# BAB 5

## ANALISIS PEMBENTUKAN POLA KATA KERJA KETIKA BERSAMBUNGAN DENGAN *ḌAMĪR* DAN *NŪN TAWKĪD*

### 5.0 PENDAHULUAN

Bab ini menganalisis pembentukan pola kata kerja ketika bersambungan dengan *ḍamīr* ( kata ganti nama diri ) dan *nūn tawkīd* ( partikel penegas ). Analisis ini bertujuan mengenalpasti bentuk wazan bagi kata kerja ketika bersambungan dengan kedua-dua unsur tersebut. Tumpuan analisis adalah kepada kata kerja *thulathiy mujarrad* daripada kala lepas , kala kini dan kata kerja perintah bagi kod wazan W1 hingga W 6 . Proses yang sama juga turut berlaku pada kata kerja kala lepas , kata kerja kala kini dan kata kerja perintah bagi semua kategori wazan kata kerja W 7 hingga W 22 yang melibatkan kata kerja *rubā‘iy mujarrad* dan kata kerja *mazīd* .

Penghuraian analisis ini melibatkan aspek-aspek morfofonologi seperti pengguguran , penambahan , pengalihan penukaran , penyerapan dan penyuraian . Perubahan morfofonlogi yang berlaku ditinjau berdasarkan sistem kala dan jenis kata kerja ( JK ) yang dibawa oleh kata kerja berkenaan . Jadual di bawah dinyatakan dengan terperinci proses perubahan kata kerja mengikut kala dan kod JK .

## 5.1 ANALISIS KATA KERJA KALA LEPAS KETIKA BERSAMBUNGAN DENGAN *ḌAMĪR*

Penyambungan kata kerja kala lepas dengan *ḍamīr* boleh dibahagikan kepada beberapa subsistem berdasarkan sistem kod JK seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

### 5.1.1 Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi JK 1

Kata kerja yang dijadikan sampel bagi JK 1 dan mewakili kata kerja lain dalam kod JK yang sama ialah kata kerja كَتَبَ // *kataba* // . Wazan yang digunapakai adalah W 3 فَعَلَ < *fa'ala* > seperti dalam jadual di bawah :

**Jadual 5.1 : Analisis kata kerja kala lepas bagi JK 1**

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | كَتَبْتُ<br>كَتَبْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | Tiada | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | كَتَبْتَ<br>كَتَبْتِ<br>كَتَبْتُمَا<br>كَتَبْتُمْ<br>كَتَبْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | Tiada | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| | -<br>- | كَتَبَ | فَعَلَ | Tiada | ▪ Tiada perubahan |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | ا<br>ا<br>وا<br>نْ | كَتَبْتْ<br>كَتَبَا<br>كَتَبَتَا<br>كَتَبُوْا<br>كَتَبْنَ | فَعَلْتْ<br>فَعَلاَ<br>فَعَلْتَا<br>فَعَلُوْا<br>فَعَلْنَ | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |

### 5.1.2 Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi JK 2

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua jenis JK 2 adalah أَكَلَ // ’*akala* // dan wazan yang digunapakai adalah W 3 فَعَلَ < *fa‘ala* > seperti dalam jadual berikut :

Jadual 5.2 : Analisis kata kerja kala lepas bagi Kod JK 2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | أَكَلْتُ<br>أَكَلْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | أَكَلْتَ<br>أَكَلْتِ<br>أَكَلْتُمَا<br>أَكَلْتُمْ<br>أَكَلْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | - | أَكَلَ | فَعَلَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | أَكَلَتْ | فَعَلَتْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | أَكَلاَ | فَعَلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | أَكَلَتَا | فَعَلْتَا | | ▪ Tiada perubahan |
| | وا | أَكَلُوْا | فَعَلُوْا | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | أَكَلْنَ | فَعَلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Analisis dalam jadual 5.1 dan 5.2 di atas menunjukkan bahawa tidak ada perubahan ketara pada struktur kata kerja lepas bagi kod JK 1 dan JK 2 apabila disambungkan dengan *ḍamīr* . Struktur kedua-dua jenis kod JK tersebut menurut al-Ḥilwāniy ( 1978 : 41 ) , Baha'uddin Ibn 'Aqīl ( 1990 : 562,571 ,576 ) dan 'Abdul Khālid 'Uḍaīmat ( 1962 : 44,45 ) adalah tetap dan tidak wujud perbezaan pada wazan 'aṣliy apabila bersambungan dengan *ḍamīr* .

Walaupun terdapat perubahan kecil berlaku namun huruf-huruf konsonan awalan , sisipan dan akhiran tetap utuh pada tempat masing-masing . Jika diperhatikan hampir semua huruf konsonan akhir kata kerja JK 1 , JK 2 didapati berharakah *sukūn* apabila bersambungan dengan *ḍamīr* yang bukan diri ketiga .

Bagi kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr* diri ketiga pula, huruf konsonan akhirnya berharakah *ḍammah* contohnya هُـمْ كَـتَـبُـوْا , هُـمْ أَكَلُوْا dan berharakah *fatḥah* contohnya هُـمَـا كَـتَـبَـتَـا , هُـمَـا أَكَـلَـتَـا .

Perubahan harakah pada konsonan akhir kata kerja dalam lingkungan fonologi ini merujuk kepada awalan *ḍamīr* berkenaan sama ada berharakah atau tidak . Jika awalan *ḍamīr* berharakah seperti awalan *ḍamīr* diri pertama , kedua dan ketiga , maka konsonan akhir kata kerja mesti *disukūnkan* apabila bersambungan dengan *ḍamīr* - *ḍamīr* tersebut (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat ,1955 :40 )

### 5.1.3 Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi JK 3

Kata kerja مَـرَّ // *marra* // dijadikan sebagai sampel bagi mewakili semua kod JK 3 . Wazan yang digunapakai adalah W 3 فَـعَـلَ < *fa‘ala* > :

Jadual 5.3 : Analisis kata keja kala lepas bagi JK 3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَـا | مَـرَرْتُ<br>مَـرَرْنَـا | فَـعَـلْـتُ<br>فَـعَـلْـنَـا | | ▪ Penyuraian huruf<br>▪ Penyuraian huruf |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَـا | مَـرَرْتَ<br>مَـرَرْتِ | فَـعَـلْـتَ<br>فَـعَـلْـتِ | | ▪ Penyuraian huruf<br>▪ Penyuraian huruf |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | تُمْ<br>تُنَّ | مَرَرْتُمَا<br>مَرَرْتُمْ<br>مَرَرْتُنّ | فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Penyuraian huruf<br>▪ Penyuraian huruf<br>▪ Penyuraian huruf |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وَا<br>نْ | مَرَّ<br>مَرَّتْ<br>مَرَّا<br>مَرَّتَا<br>مَرُّوْا<br>مَرَرْنَ | <br><br><br><br><br>فَعَلْنَ | فَلَّ<br>فَلَّتْ<br>فَلاَّ<br>فَلَّتَا<br>فَلُّوا | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Penggulangan huruf |

Jadual 5.3 di atas menunjukkan bahawa kata kerja kod JK 3 mengalami dua bentuk perubahan pada struktur katanya iaitu penyerapan dan penyuraian apabila bersambungan dengan *ḍamīr* . Kedua-dua unsur tersebut tertakluk kepada awalan *ḍamīr* yang disambungkan sama ada berharakah atau tidak .

Unsur penyerapan berlaku apabila kata kerja JK 2 bersambungan dengan awalan *ḍamīr* yang berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr* diri ketiga contohnya مَرَّ , مَرَّتْ , مَرَّا , مَرَّتَا , مَرُّوْا . Penyerapan huruf konsonan kedua dan akhir kata kerja tersebut adalah wajib ( al-Ḥamalāwiy 1995 : 80 ) . Sebaliknya kata kerja JK 3 disambungkan dengan awalan *ḍamīr* yang berharakah seperti *ḍamīr* diri pertama bagi *mufrad* dan *jamak* seperti مَرَرْتُ ,مَرَرْنَا , *ḍamīr* diri kedua *mufrad* ,

*muthanna* dan *jamak* seperti مَرَرْتَ , مَرَرْتِ , مَرَرْتُمَا , مَرَرْتُمْ , مَرَرْتُنَّ dan *ḍamīr* jamak feminim bagi diri ketiga seperti مَرَرْنَ , maka penyuraian huruf mesti dilakukan bagi memenuhi keperluan morfologi iaitu huruf kedua berharakah dan huruf ketiga *sukūn* ( al-Sakākiy , t.t : 68 ). Dalam hal ini, penyerapan tidak dibenarkan bagi mengelak berlakunya pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut –turut dalam satu perkataan iaitu مَرْرْنَ kerana apabila proses penyerapan berlaku huruf pertama daripada huruf yang sama jenis itu terpaksa dijadikan *sukūn* dan menyalahi peraturan morfologi ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy, 1973 : 158 ) .

Dalam keadaan lain , Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Aḍīmat ( 1962 : 43 ) dalam kajiannya menyebut bahawa pola kata kerja JK 3 daripada kod wazan W 4, W 5 فَعِلَ < *fa‘ila* > atau kod wazan W 6 فَعُلَ < *fa‘ula* > yang bersambungan dengan awalan *ḍamīr* berharakah boleh dilihat dalam tiga bentuk berikut : ( 1) penyuraian huruf seperti ظَلِلْتُ , ظَلِلْنَاُ , ظَلِلْنَ . ( 2 ) pengguguran huruf kedua kata akar seperti ظَلْتُ , ظَلْنَا , ظِلْنَ . ( 3 ) pengguguran huruf kedua kata akar serta memindahkan harakah *kasrah* kepada huruf sebelumnya seperti ظِلْتُ ,ظِلْنَا , ظِلْنَ. Jika kata kerja JK 3 daripada kod wazan W 1, W 2 dan W 3 فَعَلَ < *fa‘ala* > , maka bentuk penyuraian huruf sahaja dibenarkan seperti شَدَدْتَ , شَدَدْنَا , شَدَدْنَ .

Peraturan dan kaedah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 5.3 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja yang mempunyai sistem kala dan kod JK 3 yang sama , sama ada kata kerja berkenaan dari golongan kata kerja *mujarrad* seperti contoh dalam jadual di atas atau kata kerja *mazīd* seperti : شَقَّ ، أَقَرَّ ، شَدَّدَ ،

اِنْحَلَّ ، تَقَرَّر ، اِسْتَمَدَّ حَابَّ ، تَآخَى

### 5.1.4 Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi JK 4

Kata kerja وَقَفَ // *waqafa* // dijadikan sampel bagi mewakili semua jenis JK 4. Wazan yang digunapakai adalah W 2 <u>فَعَلَ < *fa'ala* ></u> seperti dalam jadual di bawah *:*

Jadual 5.4 : Analisis kata kerja kala lepas bagi JK 4

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | وَقَفْتُ<br>وَقَفْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | وَقَفْتَ<br>وَقَفْتِ<br>وَقَفْتُمَا<br>وَقَفْتُمْ<br>وَقَفْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| | -<br>- | وَقَفَ | فَعَلَ | | ▪ Tiada perubahan |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | | وَقَـفَـتْ | فَـعَـلَتْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | وَقَـفْـــا | فَـعَـلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | وَقَـفَتَـا | فَـعَـلْـتَـا | | ▪ Tiada perubahan |
| | وَا | وَقَـفُـوْا | فَـعَـلُـوْا | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | وَقَـفْـنَّ | فَـعَـلْـنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Analisis dalam jadual 5.4 di atas menunjukkan bahawa struktur kata kerja lepas bagi kod JK 4 tidak mengalami sebarang perubahan apabila bersambungan dengan semua bentuk *ḍamīr* malah tetap utuh pada tempatnya . Analisis mendapati tidak wujud perbezaan antara wazan ’aṣliy dan kata kerja yang bersambungan dengan semua bentuk *ḍamīr* ( al-Ḥilwāniy , 1978 : 41 ) . Jika ditinjau dari sudut pembentukannya , didapati wujud ciri-ciri persamaan dengan JK 1 dan JK 2 yang dahulu .

Huruf-huruf konsonan awalan , sisipan tetap utuh pada tempat masing-masing . Perubahan harakah pada konsonan akhir kata kerja dalam lingkungan fonologi ini , merujuk kepada awalan *ḍamīr* berkenaan samada berharakah atau tidak . Jika awalan *ḍamīr* berharakah seperti awalan *ḍamīr* diri pertama , kedua dan ketiga , maka konsonan akhir kata kerja mesti *disukūnkan* apabila bersambungan dengan *ḍamīr* - *ḍamīr* tersebut ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat ,1955 :40 )

Sebaliknya jika awalan *ḍamīr* berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr* *mufrad* , *muthanna* bagi diri ketiga , maka harakah *fatḥah* pada konsonan akhir dikekalkan, contohnya وَقَـفَ , وَقَـفَـتْ , وَقَـفْــا , وَقَـفَـتَـا . Bagi awalan *sukūn* pada *ḍamīr* jamak laki-laki bagi diri ketiga pula ditukarkan kepada harakah *ḍammah* kerana menyesuaikanya dengan huruf *wāw* selepasnya contohnya وَقَـفُـوْا ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat 1962 : 167 ).

Kaedah yang sama boleh dilakukan kepada setiap kata kerja *mazīd* yang tergolong dalam lingkungan kala dan jenis kod JK 1, JK 2 dan JK 4 yang sama , seperti اِسْتَوْقَفَ ، أَيْسَرَ ، وَسَّعَ ، وَاصَلَ ، تَوَاجَدَ ، اِتَّصَفَ ، تَوَحَّدَ .

**5.1.5 Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi Kod JK 5**

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua kod JK 5 adalah قَـالَ // *qāla* // . dan wazan yang digunapakai adalah W 3 فَعَلَ < *fa‘ala* > :

Jadual 5.5 : Analisis kata keja kala lepas bagi kod JK 5

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَـا | قُـلْـتُ<br>قُـلْـنَـا | | قُـلْـتُ<br>قُـلْـنَـا | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di sisipan serta penukaran harakah *fatḥah* huruf |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | pertama kepada harakah *ḍammah* sebagai penanda kepada huruf *wāw* yang digugurkan |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | قُلْتَ<br>قًلْتِ<br>قُلْتتُمَا<br>قُلْتُمْ<br>قُلْتُنَّ | | فُلْتَ<br>فُلْتِ<br>فُلْتُمَا<br>فُلْتُمْ<br>فُلْتُنَّ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di sisipan serta penukaran harakah *fatḥah* huruf pertama kepada harakah *ḍammah* sebagai penanda kepada huruf *wāw* yang digugurkan |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وَا<br>نْ | قًا لَ<br>قَا لَتْ<br>قًا لاَ<br>قَا لَتَا<br>قَا لُوْا<br>قُلْنَ | فَالَ<br>فَا لَتْ<br>فَالاَ<br>فَالَتَا<br>فَالُوْا | <br><br><br><br><br>فُلْنَ | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Pengguguran huruf *wāw* di sisipan serta penukaran harakah *fatḥah* huruf |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | pertama kepada harakah *ḍammah* sebagai penanda kepada huruf *wāw* yang digugurkan . |

Analisis kata kerja JK 5 ( قَال ) dalam jadual 5.5 di atas , menunjukkan bahawa struktur kata kerja JK 5 mengalami pengguguran huruf *‘illah* di sisipan apabila bersambungan dengan *ḍamīr* diri pertama dan kedua . Pengguguran tersebut tertakluk kepada proses penukaran huruf *‘illah* kepada huruf *alīf* sebelum disambungkan dengan *ḍamīr* seperti قَال ( asalnya قَوَل. ). Jika tidak berlaku penukaran , maka huruf *’illah* tersebut dikekalkan dengan bentuk asalnya seperti اِسْتَصْوَبَ , سَايَرَ, حَاوَلْتُ , سَوِدْتُ ( Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 250-251 *)* .

Huruf *’illah* berharakah *sukūn* pada kata kerja JK 5 digugurkan apabila bersambungan dengan awalan *ḍamīr* berharakah seperti *ḍamīr mufrad* dan *jamak* bagi diri pertama ( نَا ، تُ ), *ḍamīr* diri kedua ( تَ , تِ , تُمَا , تُمْ , تُنَّ ) dan *ḍamīr jamak feminim* ( نَ ) bagi diri ketiga. Huruf pertama kata akar pula *diḍammahkan* sebagai penanda kepada huruf *wāw* yang digugurkan sekiranya huruf ‘*illah* tersebut adalah huruf *wāw.* Perbezaan wazan adalah فُلْتُ < *fultu* >,

فُلْنَا < *fulnā* > , فُلْتَ < *fulta* > , فُلْتِ < *fulti* > , فُلْتُمَا < *fultumā* >, فُلْتُمْ < *fultum* >, فُلْتُنَّ < *fultunna* > (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 52-53 , Al-Ḥamalāwiy 1995 : 82 ).

Pakar-pakar bahasa seperti Sībawayh ( 1982 : 2 : 359 ) , Abū ‘Uthmān al-Māziniy ( dipetik dari Ibn Jinniy ,1954 : 1 : 234,251,252 ) , al-Mubarrid ,1963 : 35 ), al-Riḍa’uddin ( 1982 : 1 : 79 ) dan al-Zamakhshariy ( t.t : 377 ) mengatakan bahawa harakah *ḍammah* pada huruf pertama kata akar tersebut disebabkan pemindahan wazan daripada fasal W 1,W 2 فَعَلَ < *fa‘ala* > iaitu قُوَلْتُ , قُوَلْنَا , قُوَلْتَ , قَوَلْتِ , قُوَلْتُمَا , قُوَلْتُمْ , قُوَلْتُنَّ kepada fasal W 6 فَعُلَ < *fa‘ula* > iaitu قُوُلْتُ , قُوُلْنَا , قُوُلْتَ , قَوُلْتِ , قُوُلْتُمَا , قُوُلْتُمْ , قُوُلْتُنَّ . Dalam keadaan ini , harakah *ḍammah* tersebut menjadi lambang kepada huruf *wāw* yang digugurkan . seperti contoh-contoh قُلْتُ , قُلْنَا , قُلْتَ , قَلْتِ , قُلْتُمَا , قُلْتُمْ , قُلْتُنَّ . Bentuk asalnya ialah قُوْلْتُ , قُوْلْنَا , قُوْلْتَ , قَوْلْتِ , قُوْلْتُمَا , قُوْلْتُمْ , قُوْلْتُنَّ .

Pengguguran huruf *wāw* disebabkan pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan . Harakah ḍ*ammah* pada huruf pertama kata akar iaitu ق pula disebabkan keadaannya berada sebelum huruf *wāw* bagi fasal W 6 فَعُلَ < *fa’ula* > . Demikian juga halnya , *dikasrahkan* huruf pertama jika

berada sebelum huruf *yā’* bagi fasal W4,W 5 <u>فَعِلَ < *fa‘ila*</u> > contohnya بِعْتُ

( Muḥammad Khairul Ḥilwāniy, 1978: 49, Muṣṭafā al-Ghalāyīniy , 1980 : 1 : 234 ) .

Huruf *’illah* di sisipan kata kerja JK 5 tidak digugurkan malah dikekalkan tanpa sebarang perubahan apabila bersambungan dengan awalan *ḍamīr* berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr diri ketiga* تْ , ا , تَا , وا , نَ ( al-Sakākiy , t.t : 68 ) seperti contoh-contoh قَالَ , قَالَتْ , قَالاَ , قَالَتَا , قَالُوْا dalam jadual 5.5 di atas .

Kaedah yang sama boleh dilakukan kepada semua jenis kata kerja kod JK 5 yang sama dan serumpun dengannya baik kata kerja *mujarrad* sepeti contoh dalam jadual di atas atau kata kerja *mazīd* seperti أَعَادَ ، سَيَّرَ ، طَاوَلَ ، تَشَاوَرَ ، اِحْتَاجَ ،

تَنَوَّعَ ، اِسْتَجَابَ اِنْحَازَ .

### 5.1.6 Analisis Kata kerja Kala Lepas bagi Kod JK 6

Oleh kerana pembentukkan kata kerja JK 6 ketika besambungan dengan *ḍamīr* melibatkan banyak perubahan morfologi yang kritikal terutama berkaitan huruf ‘*illah* ( al-Mubarrad , : 1963 : 134,146 ) . Maka dalam penghuraian bab ini pengkaji menimbulkan beberapa subgolongan yang diwujudkan berdasarkan ciri-ciri asal huruf ‘*illah* pada akhiran kata kerja berkenaan . Subgolongan ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian seperti di bawah ini .

a) JK 6-1 ( Akhiran huruf *alīf* sebagai gantian daripada huruf *wāw* .)

b) JK 6-1 ( Akhiran huruf *alīf* sebagai gantian daripada huruf *yā’*.)

c) JK 6-2 ( Akhiran huruf *wāw ).*

d) JK 6-3 ( Akhiran huruf. *yā’ )*

#### 5.1.6.1 Analisis Kata kerja JK 6 – 1 Gantian *Wāw*

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua kod JK 6-1 iaitu akhiran *alīf* gantian daripada huruf *wāw* adalah دَعَا // *da‘ā* // . Wazan yang digunapakai adalah W 3 <u>فَعَلَ < *fa‘ala* ></u> seperti dalam jadual berikut *:*

Jadual 5.6: Analisis kata kerja JK 6-1 *alīf* gantian *wāw*

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | دَعَوْتُ<br>دَعَوْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *wāw* |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | دَعَوْتَ<br>دَعَوْتِ<br>دَعَوْتُمَا<br>دَعَوْتُمْ<br>دَعَوْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *wāw* |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وا<br>نْ | دَعَا<br>دَعَتْ<br>دَعَوَا<br>دَعَتَا<br>دَعَوْا<br>دَعَوْنَ | <br><br>فَعَلاَ<br><br><br>فَعَلْنَ | فَعَى<br>فَعَتْ<br><br>فَعَتَا<br>فَعَوْا<br> | ▪ Pertukaran huruf *yā'* akhiran kepada huruf *alīf*<br>▪ Pengguguran *alīf* akhiran<br>▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *wāw*<br>▪ .Pengguguran *alīf* akhiran<br>▪ Pengguguran *alīf* akhiran<br>▪ Pertukaran *alīf* |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | akhiran kepada huruf asal iaitu |

### 5.1.6.2 Analisis Kata kerja JK 6-1 Gantian *Yā'*

Kata kerja yang menjadi dijadikan sampel bagi mewakili semua kod JK 6.-1 iaitu akhiran alif gantian daripada huruf yā' adalah رَمَى // *ramā* // . Wazan yang digunapakai adalah W 2 > <u>فَعَلَ < *fa'ala*</u> seperti dalam jadual dibawah *:*

Jadual 5.7 : Analisis kata kerja JK 6-1 gantian yā'

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | رَمَيْتُ<br>رَمَيْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Pertukaran huruf *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu hurif yā' . |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | رَمَيْتَ<br>رَمَيْتِ<br>رَمَيْتُمَا<br>رَمَيْتُمْ<br>رَمَيْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Pertukaran huruf *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu hurif *yā'* |
| | - | رَمَى | | فَعَى | ▪ Pertukaran huruf |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | *yā’* akhiran kepada huruf *alīf* |
| Ketiga | - | رَمَتْ | | فَعَتْ | ▪ Pengguguran *alīf* akhiran |
| | ا | رَمَيَا | فَعَلاَ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *yā’* |
| | ا | رَمَتَا | | فَعَتَا | ▪ Pengguguran *alīf* akhiran |
| | وَا | رَمَوْا | | فَعَوْا | ▪ Pengguguran *alīf* akhiran |
| | نْ | رَمَيْنَ | فَعَلْنَ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu *yā’* |

Analisis pembentukan kata kerja JK 6-1 gantian *wāw* dan *yā’* bagi contoh kata kerja JK 6- 1 dalam jadual 5.6 dan 5.7 di atas , menunjukkan bahawa struktur kata kerja tersebut mengalami dua perubahan variasi iaitu pengguguran huruf *‘illah* dan penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf asal apabila bersambungan dengan *ḍamīr* . Proses pengguguran huruf *‘illah* ini berlaku pada tiga tempat masing-masing mewakili kata kerja JK 6-1 gantian *wāw* dan kata kerja JK 6-1

gantian *ya'* apabila tiap-tiap satunya bersambungan dengan awalan yang berharakah *sukūn* seperti *tanda mufrad* bagi *feminim* dan *ḍamīr muthanna feminim* bagi diri ketiga iaitu ثْ , تَا dan *ḍamīr jamak* laki- laki bagi diri ketiga iaitu وْ ( 'Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 54 ) . Perbezaan wazan adalah فَعَتْ < *fa'at* > , فَعَتَا < *fa'ata* > dan فَعَوْا < *fa'au* > . Pengguguran huruf '*illah* tersebut bertujuan mengelakkan daripada pertembungan dua harakah sukūn secara berturut-turut dalam satu perkataan ( Muṣṭafā al-Ghalāyīniy 1980 : 235 , Sharifuddin 'Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 57 ).

Sementara penukaran huruf '*illah* kepada huruf asal pada kata kerja JK 6-1 gantian *wāw* dan kata kerja JK 6-1 gantian *ya'* pula dilihat amat ketara apabila kedua- duanya bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* dan *jamak* bagi diri pertama iaitu تُ , نَا dan *ḍamīr* bagi diri kedua yang berharakah seperti تُمَا ، تُمْ ، تُنَّ تَ ، تِ dan *ḍamīr jamak feminim* bagi diri ketiga iaitu نَ ( Muḥammad 'Abdul Ghaniy Miṣriy ,1989 : 117 ) seperti contoh dalam jadual 5.6 dan 5.7 di atas . Perbezaan wazan adalah فَعَى < *fa*'ā > , فَعَتْ < *fa'at* >, فَعَتَا < *fa'atā* > dan فَعَوْا < *fa'au* > .

### 5.1.6.3 Analisis Kata kerja JK 6 – 2

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua kod JK 6-2 adalah سَخُوَ // *saquwa* // . Wazan yang digunapakai adalah W 6 فَعُلَ <u>< *fa'ula*</u> > seperti dalam jadual berikut :

Jadual 5.8 : Analisis kata kerja JK 6-2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ | سَخُوْتُ | فَعُلْتُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | نَا | سَخُوْنَا | فَعُلْنَا | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | تَ | سَخُوْتَ | فَعُلْتَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | تِ | سَخُوْتِ | فَعُلْتِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | تُمَا | سَخُوْتُمَا | فَعُلْتُمَا | | ▪ Tiada perubahan |
| | تُمْ | سَخُوْتُمْ | فَعُلْتُمْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | تُنَّ | سَخُوْتُنَّ | فَعُلْتُنَّ | | ▪ Tiada perubahan |
| Ketiga | - | سَخُوَ | فَعُلَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | سَخُوَتْ | فَعُلَتْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | سَخُوَا | فَعُلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | سَخُوَتَا | فَعُلَتَا | | ▪ Tiada perubahan |
| | وَا | سَخُوْا | | فَعُوْا | ▪ Pengguguran *wāw* akhiran |
| | | | فَعِلْنَ | | |
| | نْ | سَخُوْنَ | | | ▪ Tiada perubahan |

### 5.1.6.4 Analisis Kata kerja JK 6-3

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua kod JK 6-3 adalah نَسِيَ // *nasiya* //. Wazan yang digunapakai adalah W 4 , W5 فَعِلَ < *fa'ila* > seperti dalam jadual di bawah *:*

Jadual 5.9 : Analisis kata kerja JK 6-3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | نَسِيْتُ<br>نَسِيْنَا | فَعِلْتُ<br>فَعِلْنَا | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | نَسِيْتَ<br>نَسِيْتِ<br>نَسِيْتُمَا<br>نَسِيْتُمْ<br>نَسِيْتُنَّ | فَعِلْتَ<br>فَعِلْتِ<br>فَعِلْتُمَا<br>فَعِلْتُمْ<br>فَعِلْتُنَّ | | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وَا | نَسِيَ<br>نَسِيَتْ<br>نَسِيَا<br>نَسِيَتَا<br>نَسُوْا | فَعِلَ<br>فَعِلَتْ<br>فَعَلاَ<br>فَعِلْتَا | فَعُوْا | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Pengguguran huruf '*illah* di akhiran dan penukaran |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | نْ | نَسِيْنَ | فَعِلْنَ | | harakah *kasrah* pada huruf sisipan kepada harakah *ḍammah* .<br>▪ Tiada perubahan |

Analisis pembentukan pola kata kerja JK 6-2 dan kata kerja JK 6-3 seperti contoh سَخُوَ // *saquwa* // dan نَسِيَ // *nasiya* // dalam jadual 5.8 dan 5.9 di atas , menunjukkan bahawa tidak banyak berlaku proses perubahan pada huruf kecuali pengguguran huruf *'illah* dan pemindahan harakah apabila kedua-duanya bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki diri ketiga .

Pengguguran huruf *'illah* berlaku pada kata kerja JK 6-2 dalam jadual 5.8 di atas di mana huruf *wāw* yang merupakan huruf akhiran kata akar سَخُوُوْا digugurkan kerana pertembungan dua huruf *wāw* ketika bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri ketiga iaitu سَخُوْا ( Sharifuddin 'Aliy al-Rājiḥiy , tt : 57 , Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍaīmat 1962a : 192 ) . Perbezaan wazan adalah فَعُوْا < *fa'ū* > .

Pengguguran huruf ‘*illah* juga turut berlaku pada kata.kerja JK 6-3 dalam jadual 5.9 di atas , di mana huruf *yā’* نَسِيُوْا digugurkan dan harakah *kasrah* pada huruf *sīn* ditukar kepada harakah *ḍammah* نَسُوْا kerana menyesuaikan dengan huruf *wāw* selepasnya ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 54 ) . Perbezaan wazan adalah فعوا < *fa‘ū* > .

### 5.1.7 Analisis kata kerja kala lepas bagi kod JK 7

Kata kerja yang menjadi sampel bagi mewakili semua kod JK 7 adalah طوى // *ṭawā* // . Wazan yang digunapakai adalah W 4 فَعلَ < *fa‘ala* > seperti dalam jadual berikut :

Jadual 5.10 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod JK 7

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | طَوَيْتُ<br>طَوَيْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *yā’* |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ | طَوَيْتَ<br>طَوَيْتِ<br>طَوَيْتُمَا<br>طَوَيْتُم | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *yā’* |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| | تُنَّ | طَـوَيْـتُـنّ | فَـعَـلْـتُنَّ | | |
| Ketiga | - | طـوَى | فَــعَـلَ | فَعَـى | ▪ Pertukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| | - | طـوَتْ | | فَـعَــتْ | ▪ Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| | ا | طـوَيَـا | فَـعَـلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | طـوَتَـا | فَـعَـتَـا | | ▪ Pengguguran *alīf* akhiran |
| | وَا | طـوَوْ ا | | فَــعَــوْا | ▪ Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| | نْ | طـوَيْــنَ | فَـعَـلْــنَ | | ▪ Tiada perubahan |

**5.1.8 Analisis kata kerja kala lepas bagi kod JK 8**

Kata kerja وَفَى // *wafā* // dijadikan sampel bagi mewakili semua kod JK 8 . Wazan yang digunapakai adalah W 2 <u>فَعَلَ < *fa‘ala* ></u> sperti dalam jadual di bawah :

Jadual 5.11 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod JK 8

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sanbungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | تُ<br>نَا | وَفَيْتُ<br>وَفَيْنَا | فَعَلْتُ<br>فَعَلْنَا | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *yā'* |
| Kedua | تَ<br>تِ<br>تُمَا<br>تُمْ<br>تُنَّ | وَفَيْتَ<br>وَفَيْتِ<br>وَفَيْتُمَا<br>وَفَيْتُمْ<br>وَفَيْتُنَّ | فَعَلْتَ<br>فَعَلْتِ<br>فَعَلْتُمَا<br>فَعَلْتُمْ<br>فَعَلْتُنَّ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada huruf asal iaitu huruf *yā'* |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا | وَفَيْ<br>وَفَتْ<br>وَفَيَا<br>وَفَتَا | فَعَلاَ | فَعَى<br>فَعَتْ<br>فَعَتَا | ▪ Pertukaran huruf '*illah* di akhiran kepada huruf *alīf*<br>▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran<br>▪ Pertukaran huruf *alīf* di akhiran kepada huruf asal iaitu *yā'*<br>▪ Pengguguran huruf *alīf* di |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sanbungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | وَا<br><br>نْ | وَفَــوْ ا<br><br>وَفَــيْـنَ | <br><br>فَـعَـلْـنَ | فَـَعــوْا | akhiran<br>▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran.<br>▪ Pertukaran huruf *alīf* di akhiran kepada huruf asal iaitu *yā'* |

Berdasarkan contoh –contoh kata kerja kala lepas bagi JK 7 dan JK 8 dalam jadual 5.10 dan 5.11 yang diberi di atas , menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya dua proses perubahan berlaku ekoran sambungan kata kerja tersebut dengan *ḍamīr* iaitu pengembalian huruf asal dan pengguguran huruf ‘*illah*. Jika ditinjau dari sudut bentuk perubahan , didapati wujud ciri-ciri persamaan dengan kata kerja JK 6-3 yang dahulu . Boleh dikatakan semua perubahan yang berlaku pada kata kerja JK 6-3 turut berlaku pada kata kerja JK 7 dan JK 8 ini ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973: 151 ) .

Pengguguran huruf *alīf* didapati berlaku apabila kata kerja berkenaan bersambungan dengan awalan yang berharakah *sukūn* seperti tanda bagi *mufrad* bagi feminim dan *ḍamīr muthanna* feminim bagi diri ketiga seperti طـوَتْ , طـوَتَا , وَفـتْ ,وَفتَا dan *jamak* laki-laki bagi diri ketiga seperti طوَوْا , وَفَوْا ( Fakhruddin Qabāwat 1988 : 258 ) . Perbezaan wazan adalah فَعَتْ < *fa‘at* > , فَعَتَا < *fa‘atā* > dan فَعَوْا < *fa‘au* >.

Pengembalian huruf asal bagi kategori *thulāthiy mujarrad* iaitu pertukaran huruf *alīf* kepada *yā’* pula dapat diperhatikan pada kata kerja yang bergandingan dengan awalan *ḍamīr* yang berharakah iaitu *ḍamīr mufrad* dan *jamak* bagi diri pertama seperti ( تُ dan نَـا ) , *ḍamīr* bagi diri kedua ( تِ . تَ . ، تُنَّ ، تُمْ ، تُمَا ) dan *ḍamīr jamak* feminin bagi diri ketiga ( نَ ) seperti contoh –contoh dalam jadual 5.10 dan 5.11 di atas قَوَيْتَ , وَفَيْتُ dan قَوَيْتُ , قَوَيْنَا ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat , 1955 : 51 ) . Manakala bagi kategori *thulāthiy mazīd* pula huruf *alīf* tetap ditukarkan kepada huruf *yā’* dalam semua keadaan seperti تَوَفَّيْنَا , اِسْتَوْلَيْتُ (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 54 ).

Peraturan dan kaedah ditunjukkan dalam jadual 5.10 dan 5.11 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja JK 7 dan JK 8 yang mempunyai sistem kala dan kod yang sama seperti تَرَوَّى ، وَلَّى ، قَوَّى ، وَافَى ، طَاوَى ، تَوَاصَى ، تَسَاوَى ، تَوَقَّى

اِنْطَوَى ، اِسْتَهْوَى ، اِ سْتَوْحَى

## 5.2 ANALISIS KATA KERJA KALA KINI KETIKA BERSAMBUNGAN DENGAN ḌAMĪR

Dalam sistem kala bahasa Arab, bentuk wazan kata kerja kala kini ketika bersambungan dengan *ḍamīr* adalah berbeza dari segi morfologi dengan kata kerja kala lepas .Sambungan kata kerja kala kini dengan *ḍamīr* boleh dibahagikan kepada beberapa subsistem berdasarkan sistem kod JK seperti yang terdapat dalam jadual di bawah :

### 5.2.1 Analisis Kata kerja Kala kini bagi Kod JK 1

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja يَكْتُبُ . Wazan yang digunapakai adalah W 3 فَعَلَ - يَفْعُلُ < *fa'ala - yaf'ulu* > seperti dalam jadual berikut *:*

Jadual 5.12 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 1

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | أَكْـتُـبُ ( أَنَـا ) | أَفْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | نَـكْـتُـبُ ( نَحْنُ ) | نَـفْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | تَـكْـتـبُ ( أَنْـتَ ) | تَفْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | تَـكْـتُـبِـيْـنَ ( أَنْتِ ) | تَفْعُلِيْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | تَـكْـتُـبَـانِ ( أَنْتُمَا ) | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | تَـكْـتُـبُـوْنَ ( أَنْتُمْ ) | تَفْعُلُوْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | تَكْـتُـبْـنَ ( أَنْتُنَّ ) | تَفْعُلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| Ketiga | - | تَـكْـتُـبُ ( هِـيَ ) | يَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | تَكْتُبُ ( هِـيَ ) | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | يَـكْـتُـبَـانِ ( هُـمَـا ) | يَفْـعُـلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | تَكْتُبَـانِ ( هُـمَـا ) | تَـفْـعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | يَـكْـتُـبُـوْنَ ( هُـمْ ) | يَـفْـعُلُوْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | يَـكْـتُـبْـنَ ( هُنَّ ) | يَفْعُلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Berdasarkan analisis terhadap contoh kata kerja يَـكْـتُـبُ // *yaktubu* // dalam jadual 5.12 di atas , menunjukkan bahawa tidak berlaku sebarang perubahan pada struktur katanya apabila besambungan dengan *ḍamīr* , malah tetap utuh dengan bentuk asalnya ( Muḥammad ibn ‘Abdul al-Ghaniy al-Miṣriy , 1989 : 121 , al-Ḥamalāwiy , 1990 : 80 ) .

### 5.2.2 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 2

Sampel yang digunakan untuk analisis ini ialah kata kerja أَكَلَ // *akala* // dan wazan yang digunapakai adalah W 3 فَعَلَ – يَفْعُلُ < *fa'ala - yaf'ulu* > :

Jadual 5.13: Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | ( أَنَـا ) آكُـلُ | | آ عُـلُ | ▪ Penyerapan dua huruf *hamzah* di awalan . |
| | - | (نَحْنُ ) نَـأكُلُ | نَـفْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | ( أَنْـتَ ) تَـأكُـلُ | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | يْ | ( أَنْتِ ) تَـأكُلِيْنَ | تَفْعُلِيْنَ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) تَـأكُلاَنِ | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) تَأْكُلُوْنَ | تَفْعُلُوْنَ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) تَـأْكُلْنَ | تَفْعُلْنَ | | ▪ Tiada Perubahan |
| Ketiga | - | ( هُوَ ) يَـأكُلُ | يَفْعُلُ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | - | ( هِـيَ ) تَـأْكُلُ | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | ا | (هُمَـا ) يَـأْكُلاَنِ | يَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | ا | (هُمَـا ) تَـأْكُلاَنِ | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | وْ | (هُمْ ) يَـأْكُلُوْنَ | يَفْعُلُوْنَ | | ▪ Tiada Perubahan |
| | نْ | ( هُنَّ ) يَـأْكُلْنَ | يَفْعُلْنَ | | ▪ Tiada Perubahan |

Dari analisis contoh-contoh kata kerja JK 2 يَأْكُلُ // *ya’kulu* > dalam jadual 5.13 di atas pula , menunjukkan hanya terdapat satu jenis kata kerja sahaja yang menerima perubahan pada struktur katanya apabila bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* bagi diri pertama . Penyerapan berlaku apabila dua huruf hamzah di awalan kata kerja berkenaan disatukan dengan meletakkan lambang *mad* pada tulisan dan sebutan seperti آ // *ā* //. Perbezaan wazan adalah آ عُلُ < *ā ‘ulu* > . Sementara sambungan kata kerja tersebut dengan *ḍamīr* yang lain kekal dengan bentuk asalnya tanpa sebarang perubahan ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 55 ) .

### 5.2.3 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 3

Sampel yang digunakan untuk analisis ini ialah kata kerja يَمُرُّ – مَرَّ // *marra - yamurru* // . Wazan yang digunapakai adalah W 3 <u>يَفْعُلُ – فَعَلَ</u> <u>< *fa‘ala - yaf‘ulu* ></u>:

Jadual 5.14 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | ( أَنَـا ) أَمُـرُّ | | أَفَـلُّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | - | (نَحْنُ ) نَمُـرُّ | | نَفُـلُّ | ▪ Penyerapan huruf |
| Kedua | - | ( أَنْـتَ ) تَمُـرُّ | | تَفَـلُّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | يْ | ( أَنْتِ ) تَـمُـرِّيْنَ | | تَفُـلِّـيْنَ | ▪ Penyerapan huruf |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) تَـمُـرَّانِ | | تَفُـلاَّنِ | ▪ Penyerapan huruf |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) تَـمُـرُّوْنَ | | تَفُـلُّـوْنَ | ▪ Penyerapan huruf |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) <u>تَـمْـرُرْنَ</u> | تَـفْعُـلْنَ | | ▪ Penyuraian huruf |
| Ketiga | - | ( هُـوَ ) يَـمُـرُّ | | يَفُـلُّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | - | ( هِـيَ ) تَـمُـرُّ | | تَفُـلُّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | ا | (هُـمَـا ) يَـمُـرَّانِ | | يَفُـلاَّنِ | ▪ Penyerapan huruf |
| | ا | (هُـمَـا ) تَـمُـرَّانِ | | تَفُـلاَّنِ | ▪ Penyerapan huruf |
| | وْ | (هُـمْ ) يَـمُـرُّوْنَ | | يَـفُـلُّـوْنَ | ▪ Penyerapan huruf |
| | نْ | ( هُـنَّ ) <u>يَـمْـرُرْنَ</u> | يَـفْعُـلْنَ | | ▪ Penyuraian huruf |

Analisis yang dilakukan terhadap kata kerja JK 3 يَـمُـرُّ dalam jadual 5.14 di atas , mendapati bahawa proses penyerapan huruf kedua dan ketiga kata akar telah berlaku pada kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* dan *jamak* bagi diri pertama , *ḍamīr mufrad* , *muthanna* dan *jamak* laki-laki bagi diri kedua , *ḍamīr mufrad* , *muthanna* dan *jamak* laki-laki bagi diri ketiga ( al-Ḥamalāwiy, 1995 : 81 ).

Perbezaan wazan adalah أَفَـلُّ < ’*afullu* > , نَفُـلُّ < *nafullu* > , تَفَـلُّ < *tafullu* > , تَفُـلِّيْنَ < *tafullīna* > , تَفُـلاَّنِ < *tafullāni* > , تَفُـلُّوْنَ < *tafullūna* > , يَفُـلُّ < *yafullu* > , تَفُـلُّ < *tafullu* > , يَفُـلاَّنِ < *yafullāni* >, تَفُـلاَّنِ < *tafullāni* > dan يَفُـلُّوْنَ < *yafullūna* > .

Manakala penyuraian huruf telah berlaku pada dua jenis kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr jamak* feminin bagi diri kedua seperti تَـمْـرُرْنَ ( أَنْتُنَّ ) dan *ḍamīr jamak* feminin bagi diri ketiga seperti يَـمْرُرْنَ ( هُـنَّ ) ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 48 ) . Namun penyuraian huruf tersebut tidak melibatkan perubahan pada wazan kerana tidak berlaku sebarang pengguguran atau pengimbuhan huruf pada kata akar .

**5.2.4 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 4**

Sampel yang digunakan untuk analisis kata kerja JK 4 ini adalah وَقَفَ – <u>يَقِفُ</u> // *waqafa – yaqifu* //. Wazan yang digunapakai adalah W 2 <u>فَعَلَ – يَفْعِلُ</u> <u>< *fa‘ala - yaf‘ilu* >:</u>

Jadual 5.15 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 4

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | -<br>- | ( أَنَا ) أَقِفُ<br>( نَحْنُ ) نَقِفُ | | أَعِلُ<br>نَعِلُ | ▪ Pengguguran huruf ‘*illah* iaitu huruf *wāw* di awalan. |
| Kedua | -<br>يْ<br>ا<br>وْ<br>نْ | ( أَنْتَ ) تَقِفُ<br>( أَنْتِ ) تَقِفِيْنَ<br>( أَنْتُمَا ) تَقِفَانِ<br>( أَنْتُمْ ) تَقِفُوْنَ<br>( أَنْتُنَّ ) تَقِفْنَ | | تَعِلُ<br>تَعِلِيْنَ<br>تَعِلاَنِ<br>تَعِلُوْنَ<br>تَعِلْنَ | ▪ Pengguguran huruf ‘*illah* iaitu huruf *wāw* di awalan |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وْ<br>نْ | ( هُوَ ) يَقِفُ<br>( هِيَ ) تَقِفُ<br>( هُمَا ) يَقِفَانِ<br>( هُمَا ) تَقِفَانِ<br>( هُمْ ) يَقِفُوْنَ<br>( هُنَّ ) يَقِفْنَ | | يَعِلُ<br>تَعِلُ<br>يَعِلاَنِ<br>تَعِلاَنِ<br>يَعِلُوْنَ<br>يَعِلْنَ | ▪ Pengguguran huruf ‘*illah* iaitu huruf *wāw* di awalan |

Analisis yang dijalankan pada kata kerja JK 4 يَقِفُ seperti dalam jadual 5.15 di atas , telah menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perubahan pada struktur kata kerja berkenaan apabila bersambungan dengan semua jenis *ḍamīr* . Pengguguran awalan waw pada kata kerja berkenaan sebenarnya dilihat telah berlaku ketika proses pembentukan kata kerja kala kini sebelum bersambungan

dengan *ḍamīr* ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 56 ) . Perbezaan wazan adalah <u>يَعِلُ < *ya ‘ilu*</u> > .

### 5.2.5 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 5

Sampel yang digunakan untuk analisis kata kerja JK 5 adalah بَاعَ – <u>يَبِيْعُ</u> // *bā‘a – yabī‘u* // dan wazan yang digunapakai adalah W 2 <u>فَعَلَ – يَفْعِلُ < *fa‘ala - yaf‘ilu* ></u> seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.16 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 5

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | -<br>- | ( أَنَـا ) أ بِيْـعُ<br><u>نَـبِيْـعُ</u> ( نَحْنُ) | | أفِـعْـلُ<br>نَـفِـعْـلُ | ▪ Pengalihan harakah *kasrah* pada huruf sisipan kepada huruf awalan kata dasar . |
| Kedua | -<br>يْ<br>ا<br>وْ | ( أَنْـتَ ) <u>تَـبِيْـعُ</u><br>( أَنْتِ ) <u>تَـبِيْـعِيْـنَ</u><br>( أَنْتُمَا ) <u>تَـبِيْـعَـانِ</u><br>( أَنْتُمْ ) <u>تَـبِيْـعُـوْنَ</u> | | تَفِـعْـلُ<br>تَـفِعْـلِيْـنَ<br>تَـفِـعْـلاَنِ<br>تَـفِـعْـلُـوْنَ | ▪ Pengalihan harakah *kasrah* pada huruf sisipan kepada |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| | نْ | تَبِعْنَ ( أَنْتُنَّ ) | | تَفِلْنَ | huruf awalan kata dasar.<br>▪ Pengguguran huruf *'illah* di sisipan |
| Ketiga | -<br>-<br>ا<br>ا<br>وْ<br><br>نْ | يَبِيْعُ ( هُوَ )<br>تَبِيْعُ ( هِيَ )<br>يَبِيْعَانِ (هُمَا)<br>تَبِيْعَانِ (هُمَا)<br>يَبِيْعُوْنَ (هُمْ)<br><br>يَبِعْنَ ( هُنَّ ) | | يَفِعْلُ<br>تَفِعْلُ<br>يَفِعْلاَنِ<br>تَفِعْلاَنِ<br>يَفِعْلُوْنَ<br><br>يَفِلنَ | ▪ Pengalihan harakah *kasrah* pada huruf sisipan kepada huruf awalan kata dasar .<br><br>▪ Pengguguran huruf *'illah* iaitu huruf *yā'* di sisipan |

Analisis kata kerja JK 5 يَبِيْعُ dalam jadual 5.16 di atas telah menunjukkan bahawa perubahan bunyi yang berlaku pada struktur kata kerja berkenaan boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu keadaan sebelum dan selepas bergandingan dengan *ḍamīr* . Proses pertukaran huruf *alīf* kepada huruf *yā'* dan pengalihan harakah *kasrah* pada huruf *yā'* kepada huruf konsonan sebelumnya telah berlaku

ketika proses pembentukan kata kerja kala kini sebelum bersambungan dengan *ḍamīr* misalnya daripada kala lepas بَاعَ kepada kala kini يَبِيْعُ .

Manakala selepas bersambungan dengan *ḍamīr jamak* feminin bagi diri kedua dan *ḍamīr jamak* bagi diri ketiga keadaan struktur kata telah memperlihatkan satu perubahan iaitu pengguguran huruf *yā’* sisipan kata kerja seperti تَبِعْنَ ( أَنْتُنَّ ) dan يَبِعْنَ ( هُنَّ ). Perbezaan wazan adalah تَفِلْنَ < *tafilna* > dan يَفِلْنَ < *yafilna* > ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 53 ).

### 5.2.6 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 6-1

Sampel yang digunakan untuk analisis ini ialah kata kerja رَضِيَ – يَرْضَى // *raḍiya - yarḍā* // . ( Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 51 ) . Wazan yang digunapakai adalah W 4 فَعِلَ – يَفْعَلُ < *fa‘ila - yaf‘alu* > seperti dalam jadual berikut **:**

Jadual 5.17: Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 6-1

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan Selepas Sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | أرْضَى ( أنَا ) | أفْعَلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | نَرْضَى ( نَحْنُ ) | نَفْعَلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | تَرْضَى ( أنْتَ ) | تَفْعَلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | تَرْضَيْنَ ( أَنْتِ ) | | تَفْعَيْنَ | ▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran |
| | ا | تَرْضَيَانِ ( أَنْتُمَا ) | تَفْعَلاَنِ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *yā'* . |
| | وْ | تَرْضَوْنَ ( أَنْتُمْ ) | | تَفْعَوْنَ | ▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran |
| | نْ | تَرْضَيْنَ ( أَنْتُنَّ ) | تَفْعَلْنَ | | ▪ Pertukaran *alif* akhiran kepada *yā'* |
| Ketiga | - | يَرْضَى ( هُوَ ) | يَفْعَلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | تَرْضَى ( هِيَ ) | تَفْعَلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | يَرْضَيَانِ ( هُمَا ) | يَفْعَلاَنِ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *yā'* |
| | ا | تَرْضَيَانِ ( هُمَا ) | تَفْعَلاَنِ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *yā'* |
| | وْ | يَرْضَوْنَ ( هُمْ ) | | يَفْعَوْا | ▪ Pengguguran huruf *alīf* akhiran |
| | نْ | يَرْضَيْنَ ( هُنَّ ) | يَفْعَلْنَ | | ▪ Pertukaran *alīf* akhiran kepada *yā'* |

Berdasarkan analisis terhadap contoh –contoh kata kerja JK 6-1 يَرْضَى dalam jadual 5.17 di atas , menunjukkan terdapat dua perubahan bunyi pada struktur kata kerja berkenaan iaitu pengguguran ‘*illah* dan penukaran huruf apabila bersambungan dengan *ḍamīr* . Proses pengguguran ‘*illah* di akhiran iaitu huruf *alīf* telah berlaku apabila bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* feminin bagi diri kedua ( يْ ) , *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua dan ketiga ( وْ ) seperti تَرْضَيْنَ ( أَنْتِ ) , يَرْضَوْنَ (هُمْ) dan تَرْضَوْنَ ( أَنْتُمْ ) . Perbezaan wazan adalah تَفْعَيْنَ < *taf‘aina* > , تَفْعَوْنَ < *taf‘auna* > dan يَفْعَوْا < *yaf‘auna* > ( Muḥammad bin al-Ghāniy al-Miṣriy ,1989 : 126 ) . Pengguguran tersebut dilakukan bagi mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan .

Sementara pertukaran huruf iaitu huruf *alīf* kepada huruf *yā’* pula dapat dikesan pada kata kerja yang disambungkan dengan *ḍamīr jamak* feminin ( نَ ) bagi diri kedua dan ketiga , *ḍamīr muthanna* ( ا ) bagi diri kedua dan ketiga seperti يَرْضَيْنَ ( هُنَّ ) , تَرْضَيْنَ ( أَنْتُنَّ ) , يَرْضَيَانِ ( هُمَا ) dan تَرْضَيَانِ ( أَنْتُمَا ) ( al-Ḥamalāwiy 1995 : 83-84 ) . Perbezaan wazan tidak berlaku kerana penukaran huruf tersebut adalah mengembalikan huruf *alīf* kepada huruf asalnya iaitu huruf *yā’* .

### 5.2.7 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 6-2

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalh kata kerja دَعَا - يَدْعُو //da‘ā - *yad‘ū* // . Wazan yang digunakan adalah W 3 فَعَلَ - يَفْعُلُ < *fa‘ala - yaf‘ulu* > seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.18 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 6-2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | ( أنَا ) يَدْ عُوْ | أ فْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | (نَحْنُ ) نَـدْعُوْ | نَـفْـعُـلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | ( أَنْـتَ ) تَدْعُـوْ | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ي | ( أَنْتِ ) تَدْعِـيْنَ | | تَفْـعِيْنَ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* akhiran dan pengalihan harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar kepada harakah *kasrah* |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) تَـدْعُـوَانِ | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | و | ( أَنْتُمْ ) تَدْعُـوْنَ | | تَـفْـعُوْنَ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* akhiran |
| | ن | ( أَنْتُنَّ ) تَدْعُـوْنَ | تَـفْـعُـلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| Ketiga | - | ( هُـوَ ) يَـدْعُـوْ | يَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | ( هِـيَ ) تَـدْعُـوْ | تَـفْـعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | (هُمَـا) يَـدْعُوَانِ | يَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | (هُمَا) تَدْعُوَانِ | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | و | (هُمْ) يَدْعُوْنَ | | يَفْعُوْنَ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* akhiran |
| | ن | ( هُنَّ ) يَدْعُوْنَ | يَـفْـعُـلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

### 5.2.8 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 6-3

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja يَمْشِيْ - مَشَى // *mashā* - *yamshī* // dan wazan yang digunakan adalah W 2 <u>يَفْعِلُ - فَعَلَ < *fa‘ala* - *yaf‘ilu*</u> > seperti dalam jadual berikut **:**

Jadual 5.19 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 6-3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | ( أَنَا ) يَمْشِيْ | أَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | (نَحْنُ) <u>نَمْشِيْ</u> | نَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | ( أَنْتَ ) <u>تَمْشِيْ</u> | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | ( أَنْتِ ) <u>تَمْشِيْنَ</u> | | تَفْعِيْنَ | ▪ Pengguguran huruf *yā’* di akhiran |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) <u>تَمْشِيَانِ</u> | تَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) <u>تَمْشُوْنَ</u> | | تَفْعُوْنَ | ▪ Pengguguran huruf *yā’* di akhiran dan pengalihan haralah *kasrah* kepada *dhammah* pada huruf kedua kata akar |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) <u>تَمْشِيْنَ</u> | تَفْعُلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | ( هُوَ ) <u>يَمْشِيْ</u> | يَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | ( هِيَ ) تَمْتَشِيْ | تَفْعُلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | (هُمَا) <u>يَمْشِيَانِ</u> | يَفْعُلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| Ketiga | ا<br>وْ<br><br><br><br><br><br>نْ | تَمْشِيَانِ ( هُمَا)<br>يَمْشُوْنَ ( هُمْ)<br><br><br><br><br><br>يَمْشِيْنَ ( هُنَّ ) | تَفْعُلاَنِ<br><br><br><br><br><br><br>يَفْعُلْنَ | <br>يَفْعُوْنَ | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran dan pengalihan haralah *kasrah* kepada *dhammah* pada huruf kedua kata akar<br>▪ Tiada perubahan |

Berdasarkan contoh – contoh kata kerja JK 6-2 dan JK 6-3 dalam jadual 5.18 dan 5.19 di atas menunjukkan bahawa terdapat dua perubahan pada struktur kata apabila bersambungan dengan *ḍamīr* iaitu pengguguran huruf '*illah* di akhiran dan pengalihan harakah . Pengguguran huruf '*illah* berlaku pada tiga tempat . Dua tempat masing-masing mewakili kata kerja JK 6-2 dan satu tempat pada kata kerja JK 6-3 apabila tiap-tiap satunya bersambungan dengan awalan *ḍamīr* yang berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua dan diri ketiga seperti تَمْشُوْنَ ( أَنْتُمْ ) dan يَمْشُوْنَ ( هُمْ) , *ḍamīr* feminine bagi diri kedua seperti تَمْشِيْنَ ( أَنْتِ ) ('Amin 'Aliy al-Sayyid , 1972 : 64 ). Perbezaan wazan adalah تَفْعُوْنَ < taf'ūna > , يَفْعُوْنَ < *yaf'ūna* > dan تَفْعِيْنَ < *taf'īna* > .

Pengalihan harakah pula berlaku pada pada tiga tempat sahaja iaitu pengalihan harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar bagi kata kerja JK 6-3 yang bersambungan dengan *ḍamīr* jamak laki-laki bagi diri kedua dan ketiga seperti تَـمْـشُوْنَ ( أَنْتُمْ ) dan يَمْـشُوْنَ ( هُـمْ ) . Perbezaan wazan adalah تَــفْـعُـوْنَ < *taf ‘ūna* > dan يَـفْـعُـوْنَ < *yaf ‘ūna* > . Dan pengalihan harakah *ḍammah* kepada *kasrah* apabila bersambungan dengan *ḍamīr* *mufrad* feminin bagi diri kedua seperti تَـدْعِـيْنَ ( أَنْتِ ) (’Amin ‘Aliy al-Sayyid , 1972 : 64 -65 ) . Perbezaan wazan adalah تَـفْـعِـيْنَ < *taf ‘īna* >.

Kaedah yang sama boleh dilakukan kepada semua jenis kata kerja JK 6-2 dan JK 6-3 berdasarkan ciri-ciri huruf *‘illah* yang sama dan serumpun dengannya . seperti يُـرْ عِـيْ ، يُـلَـقِّـيْ ، يُـنَـادِيْ ، يَـتَـبَـاكَـى ، يَـنْـبَـغِـيْ ، يَـنْـتَـمِـيْ ، يَـسْـتَـدْعِـيْ.

## 5.2.9 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 7

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja يَرْوِي - رَوَى // *rawā- yarwī* //. Wazan yang digunakan adalah W 2 فَـعَـلَ - يَـفْـعِـلُ < *fa‘ala - yaf‘ilu* > :

Jadual 5.20 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 7

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | - | ( أَنَا ) أَرْوِيْ | أَفْعِلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | - | (نَحْنُ) نَرْوِيْ | نَفْعِلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| Kedua | - | ( أَنْتَ ) تَرْوِيْ | تَفْعِلُ | | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | ( أَنْتِ ) تَرْوِيْنَ | | تَفْعِيْنَ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di akhiran |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) تَرْوِيَانِ | تَفْعِلاَنِ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) تَرْوُوْنَ | | تَفْعُوْنَ | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran dan pengalihan harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) تَرْوِيْنَ | تَفْعِلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |
| Ketiga | - | ( هُوَ ) يَرْوِيْ | يَفْعِلُ | يَفْعُوْنَ | • Tiada perubahan |
| | - | ( هِيَ ) تَرْوِيْ | تَفْعِلُ | | • Tiada perubahan |
| | ا | (هُمَا) يَرْوِيَانِ | يَفْعِلاَنِ | | • Tiada perubahan |
| | ا | (هُمَا) تَرْوِيَانِ | تَفْعِلاَنِ | | • Tiada perubahan |
| | وْ | (هُمْ) يَرْوُوْنَ | | | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran dan pengalihan harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar |
| | نْ | ( هُنَّ ) يَرْوِيْنَ | يَفْعِلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Berdasarkan analisis contoh –contoh kata kerja ka la kini bagi JK 7 يَرْوِيْ dalam jadual 5.20 di atas, menunjukkan sekurang-kurangnya dua proses perubahan pada struktur kata berlaku ekoran kewujudan *ḍamīr* pelaku di akhiran kata kerja berkenaan . Proses perubahan yang dimaksudkan adalah pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran dan pengalihan harakah ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973 : 136 ) .

Pengguguran huruf *yā’* didapati berlaku apabila kata kerja berkenaan bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua dan diri ketiga seperti تَرْوُوْنَ ( أَنْتُمْ ), يَرْوُوْنَ ( هُمْ) dan *ḍamīr mufrad* feminin bagi diri kedua seperti تَرْوِيْنَ ( أَنْتِ ) . Perbezaan wazan adalah تَفْعُوْنَ < *taf‘ūna* > , يَفْعُوْنَ < *yaf ‘ūna* > , dan تَفْعِيْنَ < *tuf ‘īna* >.

Proses pengalihan harakah daripada *kasrah* kepada *ḍammah* pula berlaku pada kata kerja yang dihubungi dengan awalan *ḍamīr* berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua dan diri ketiga (’Amin ‘Aliy al-Sayyid , 1972 : 64 -65 ) seperti contoh dalam jadual 5.20 di atas .

Peraturan dan kaedah ditunjukkan dalam jadual 5.20 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja JK 7 yang mempunyai sistem kala dan kod yang sama seperti يُوَلِّيْ ، يُحَيِّيُ ، يُوَازِيْ ، يُسَاوِيْ ، يَتَوَاصَى يَتَطَاوَلَ ، تَوَقَّى يُقْوِيْ ، يُوْصِيْ ، تَرَوَّى ، انْطَوَى ، اِسْتَهْوَى ، اِسْتَوْحَى

### 5.2.10 Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod JK 8

Sampel yang digunakan untuk analisis ini ialah kata kerja bagi kod JK 8 وَفَـى - يَفِي // *wafā- yafī_//* . Wazan yang digunakan adalah W 2 <u>فَـعَـلَ - يَـفْـعِـلُ</u> <u>< *fa'ala - yaf'ilu*</u> > seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.21 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod JK 8

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | -<br>- | ( أَنَـا ) أَفِـيْ<br>(نَحْنُ ) <u>نَـفِـيْ</u> | | أَعِلُ<br>نَـعِـلُ | ▪ Tiada Perubahan<br>▪ Tiada Perubahan |
| Kedua | -<br>يْ<br><br>ا<br>وْ<br><br>نْ | ( أَنْـتَ ) <u>تَـفِـيْ</u><br>( أَنْتِ ) <u>تَـفِـيْـنَ</u><br><br>( أَنْتُمَا ) <u>تَـفِـيَـانِ</u><br>( أَنْتُمْ ) <u>تَـفُـوْنَ</u><br><br>( أَنْتُنَّ ) <u>تَـفِـيْـنَ</u> | | تَـعِـلُ<br>تَـعِـيْـنَ<br><br>تَـعِلاَنِ<br>تَـعُـوْنَ<br><br>تَـعِـلْـنَ | ▪ Tiada Perubahan<br>▪ Pengguguran huruf *'illah* di akhir kata akar<br>▪ Tiada Perubahan<br>▪ Pengguguran huruf *'illah* di akhir kata akar serta pengalihan harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar<br>▪ Tiada perubahan |
| | -<br>-<br>ا<br>ا | ( هُـوَ ) <u>يَـفِـيْ</u><br>( هِـيَ ) تَـفِـيْ<br>( <u>يَـفِـيَـانِ</u> | | يَـعِـلُ<br>تَـعِـلُ<br>يَـعِـلاَنِ | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan<br>▪ Tiada perubahan |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | وْ | (هُمَا)<br>(هُمَا ) تَفِيَانِ<br>(هُمْ ) يَفُوْنَ | | تَعِلاَنِ<br>يَعُوْنَ | ▪ Tiada perubahan<br>▪ Pengguguran huruf ‘*illah* di akhir kata akar serta pengalihan harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar |
| | نْ | ( هُنَّ ) يَفِيْنَ | | يَعِلْنَ | ▪ Tiada perubahan |

Analisis kata kerja JK 8 يَفِيْ dalam jadual 5.21 di atas , menunjukkan terdapat dua perubahan berlaku pada struktur kata kerja berkenaan iaitu pengguguran huruf ‘*illah* dan pengalihan harakah .

Pengguguran huruf ‘*illah* berlaku sebelum dan selepas bergandingan dengan *ḍamīr*. Perubahan pertama ialah pengguguran vokal *wāw* di awalan ketika proses pembentukan kata kerja kala kini dan sebelum bergan bersambungan dengan *ḍamīr* seperti يَفِيْ (’Ibn Hisyām , 1979 : 4: 406 ). Perubahan kedua berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr* di akhiran kata kerja berkenaan . Di mana huruf *yā’* di akhiran digugurkan ketika bersambungan dengan awalan *ḍamīr* berharakah *sukūn* seperti *ḍamīr* *jamak* laki-laki bagi diri kedua dan diri ketiga seperti تَفُوْنَ ( أَنْتُمْ ) dan يَفُوْنَ ( هُمْ) , *ḍamīr* *mufrad* feminin bagi diri kedua seperti تَفِيْنَ ( أَنْتِ ) . Perbezaan wazan adalah تَعُوْنَ < *ta‘ūna* > , يَعُوْنَ < *ya‘ūna* > dan تَعِيْنَ < *ta‘īna* > ( al-Ḥamalāwiy 1995 : 83 ) .

Pengalihan harakah pula berlaku daripada harakah daripada harakah *kasrah* kepada harakah *ḍammah* pada huruf kedua kata akar yang bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua seperti _تَـفُـوْنَ_( أَنْتُمْ ), dan diri ketiga seperti يَــفُــوْنَ ( هُـمْ). Perbezaan wazan adalah تَـعُـوْنَ < *ta ‘ūna* > dan يَـعُـوْنَ < *ya ‘ūna* > .

## 5.3 ANALISIS KATA KERJA PERINTAH KETIKA BERSAMBUNGAN DENGAN *ḌAMĪR*

Pembentukan kata kerja perintah ketika bersambungan dengan *ḍamīr* akan turut melibatkan perubahan pada struktur susunan katanya disebabkan harakah huruf di akhiran kata perintah adalah bersifat *sukūn* . Justeru , bagi tujuan analisis dan mengenalpasti unsur perubahan ketika bersambungan dengan *ḍamīr* , pengkaji membahagikan kepada beberapa subsistem berdasarkan sistem kod JK seperti analisis yang terdapat dalam jadual di bawah :

### 5.3.1 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 1

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja نَصَـرَ - يَنْصُـرُ – أُنْصُـرْ // *naṣara –yanṣuru –‘unṣur* // . Wazan yang digunakan adalah W 3 فَـعَـلَ - يَـفْـعُـلُ - أُفْـعُـلْ < *fa‘ala - yaf‘ulu – ‘uf‘ul* > seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.22 : Analisis Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 1

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | ( أَنْتَ ) انْصُـرْ | أفْعُلْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | ( أَنْتِ ) انْصُـرِيْ | أفْعُلِيْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) انْصُـرَا | أفْعُلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) انْصُـرُوْا | أفْعُلُـوْا | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) انْصُـرْنَ | أفْـعُـلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Analisis terhadap contoh kata kerja JK 1 انْصُـرْ dalam jadual 5.23 di atas , menunjukkan bahawa kata kerja perintah yang terdiri daripada huruf konsonan pada setiap kata akarnya tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur katanya malah tetap teguh dengan bentuk asalnya ketika bersambungan dengan *ḍamīr* ( Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 562 ) . Kaedah dalam jadual di atas boleh digunakan pada semua jenis kata kerja kod JK 1 seperti اجْلِسْ ، أَكْـرِمْ ، سَـمِّـعْ ، جَـادِلْ ، تَـصَـافَـحْ ، اِجْـتَـمِـعْ ، اِنْـفَـتِـحْ ، اِسْـتَـغْـفِـرْ.

## 5.3.2 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 2

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja أَكَلَ - يَـأكُـلُ – كُـلْ // *akala –ya’kulu- kul* // **.** Wazan yang digunakan adalah W 3 فَـعَـلَ - يَـفْـعُـلُ - اُفْـعُـلْ < *fa‘ala* - yaf‘ilu – ‘*uf‘ul* > seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.23 : Analisis Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | كُـلْ ( أنْـتَ ) | | عُـلْ | ▪ Pengguguran *hamzah* di awalan |
| | يْ | كُـلِـيْ( أَنْتِ ) | | عُـلِـيْ | ▪ Pengguguran *hamzah* di awalan |
| | ا | كُـلاَ ( أَنْتُمَا ) | | عُـلاَ | ▪ Pengguguran *hamzah* di awalan |
| | وْ | كُـلُـوْا ( أَنْتُمْ ) | | عُـلُـوْا | ▪ Pengguguran *hamzah* di awalan |
| | نْ | كُـلْـنَ ( أَنْتُنَّ) | | عُـلْـنَ | ▪ Pengguguran *hamzah* di awalan |

Berdasarkan analisis terhadap contoh kata kerja perintah JK 2 dalam jadual 5.23 di atas , menunjukkan terdapat satu perubahan pada struktur katanya iaitu pengguguran awalan hamzah apabila bersambungan dengan *ḍamīr* diri kedua . Pengguguran tersebut berpunca daripada pertemuan dua huruf hamzah di awalan kata akar. Tiap-tiap satunya membawa fungsi yang berbeza . huruf *hamzah* pertama adalah hamzah yang didatangkan pada kata kerja perintah sebagai pembuka suara apabila huruf pertama kata akar didapati tak bersuara . Manakala *hamzah* kedua pula merupakan huruf pertama kata akar .

Pertemuan dua huruf *hamzah* ini membawa kepada perselisihan di kalangan penutur jati Arab . Setengah daripada mereka mengekalkan bentuk asal dua *hamzah* tersebut dan menuturkannya dengan jelas sebagaimana huruf konsonan yang lain seperti أُأْكُـلْ . Setengah mereka yang lain pula , menyerapkan dua *hamzah* tersebut seperti آكُـلْ.

Manakala sebahagian penutur jati Arab , mereka menggugurkan kedua-dua *hamzah* tersebut kerana menyamakan *hamzah* dengan huruf ‘*illah* dalam pembentukan kata kerja seperti kata kerja perintah bagi أَخَـذَ , أَكَـلَ dan أَمَـرَ adalah خُـذْ كُـلْ , dan مُـر . Perbezaan wazan adalah عُـلْ < ‘*ul*‘ > , عُـلِـيْ < ‘*ulī* > , عُـلاَ < ‘*ulā* > , عُـلُـوْا < ‘*ulū* > dan عُـلْـنَ < ‘*ulna* > (‘Abdul Rājiḥiy , 1985 : 45 ).

Menurut peraturan morfologi , pengguguran kedua-dua *hamzah* tersebur adalah dianggap *shāz* dan terkeluar daripada kaedah morfologi , namun penggunaannya masih dianggap fasif disebabkan faktor *samā‘iy* daripada penutur jati Arab ( al-Ḥamalāwiy , 1995 : 80 dan Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 254 ) . Mereka beranggapan bahawa kewujudan *hamzah* dalam perkataan boleh mengganggu kelancaran dan kefasihan suatu perkataan . Bagaimanapun kekerapan menggugurkan hamzah lebih tinggi ( Riḍa’uddin , 1982 : 1 : 50 ) seperti contoh – contoh dalam jadual di atas berbanding dengan mengekalkan dan menyerapkannya .

### 5.3.3 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 3

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja مَــرَّ – يَمُــرُّ - مُــرَّ // *marra – yamurru –murra* // . Wazan yang digunakan adalah W 3 <u>فَعَلَ - يَفْعُلُ - أُفْعُلْ < *fa'ala - yaf'ulu - 'uf'ul* ></u> :

Jadual 5.24 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | (أَنْتَ) امْــرُرْ / مُــرَّ | | فُــلَّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | يْ | ( أَنْتِ ) مُــرِّيْ | | فُــلِّي | ▪ Penyerapan huruf |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) مُــرَّا | | فُــلاَّ | ▪ Penyerapan huruf |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) مُــرُّوْا | | فُــلُّوْا | ▪ Penyerapan huruf |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) امْــرُرْنَ | أُفْــعُــلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Analisis dalam jadual 5.24 di atas , menunjukkan bahawa kata kerja perintah bagi kod JK 3 مَــرَّ mengalami perubahan pada wazan dan sturktur kata iaitu penyerapan huruf kedua kata akar ke dalam huruf ketiga apabila bersambungan dengan *ḍamīr mufrad laki-laki seperti* مُــرَّ ( أَنْتَ ) , *ḍamīr mufrad feminim* seperti مُــرِّيْ ( أَنْتِ ) , *ḍamīr muthanna* seperti مُــرَّا ( أَنْتُمَا ) dan *ḍamīr jamak* laki-laki seperti مُــرُّوْا ( أَنْتُمْ ) bagi diri kedua (Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍaīmat 1955 : 41-42 ). Perbezaan wazan adalah <u>فُــلَّ < *fulla* > , فُــلِّي < *fullī* > , فُــلاَّ < *fullā* ></u> dan <u>فُــلُّوْا < *fullū* > .</u>

Manakala kata kerja perintah yang bersambungan dengan *ḍamīr mufrad laki-laki* dan *ḍamīr jamak feminin* tidak mengalami perubahan pada wazan . Penyuraian huruf bagi *ḍamīr mufrad laki-laki* adalah diharuskan seperti مُـرَّ / امْـرُرْ ( أَنْـتَ ) . Manakala Penyuraian huruf bagi *ḍamīr jamak feminin* adalah diwajibkan seperti امْـرُرْ نَ ( أَنْتُنَّ ) ( al-Ḥamalāwiy , 1995 : 81 ). Proses penyuraian ini dapat dikenalpasti dengan merujuk kepada huruf awalan dan akhiran kata akar yang berharakah *sukūn* pada kata kerja perintah seperti نَ + مْـرُرْ . Mengikut sistem morfologi, penyerapan selepas harakah *sukūn* seperti مْـرٌّ menimbulkan kesukaran untuk menuturkannya , ditambah pula dengan harakah *sukūn* pada huruf akhir ( ’Abū Ḥanīfah bin Nu‘mān , 1940 : 101). Justeru, penutur asli Arab menyuraikan kedua-dua huruf berganda tersebut menyebabkan huruf pertama kata akar menjadi *sukūn* , lantaran itu mereka meletakkan huruf *hamzah waṣal* sebagai pemula kata berdasarkan kepentingan morfologi seperti امْـرُرْ dalam jadual 5.25 di atas ( al-Makūdiy , 1954 : 247 ) .

Peraturan dan kaedah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 5.25 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja yang mempunyai sistem kala dan kod JK 3 yang seperti شُـقَّ ، مَـارَّ ، تَـحَـابَّ ، تَـمَـدَّدَ ، اِرْتَـدَّ ، اِنْـحَـطَّ ، اِسْـتَـعِـدَّ .

### 5.3.4 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 4

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja وَعَدَ - يَـعِـدُ - عِـدْ // *wa‘ada – ya‘idu – ‘id* // . Wazan yang digunakan adalah W 2 فَـعَـلَ - يَـفْـعِـلُ - اِفْـعِـلْ < *fa‘ala - yaf‘ilu – if‘il* > :

Jadual 5.25 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 4

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | (أَنْـتَ ) عِـدْ | | عِـلْ | ▪ Tiada perubahan |
| | يْ | ( أَنْتِ )عِـدِيْ | | عِـلِـيْ | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) عِـدَا | | عِـلاَ | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) عِـدُوْا | | عِـلُـوْا | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | (أَنْتُنَّ )عِـدْنَ | | عِـلْـنَ | ▪ Tiada perubahan |

Analisis yang dijalankan terhadap contoh –contoh kata kerja perintah bagi kod JK 4 seperti dalam jadual 5.26 di atas , telah menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang perubahan pada struktur kata kerja berkenaan apabila bersambungan dengan semua *ḍamīr* (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 50 ). Pengguguran huruf *wāw* di awalan kata kerja berkenaan sebenarnya telah berlaku ketika proses pembentukan kata kerja kala kini dan sebelum bersambungan dengan *ḍamīr*. Perbezaan wazan adalah عل < *‘il* > , عِـلِـيْ < *‘ilī* > , عِـلاَ < *‘ilā* > , عِـلُـوْا < *‘ilū* > dan عِـلْـنَ < *‘ilna* > .

## 5.3.5 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 5

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja قَـالَ – يَـقُـوْلُ - قُـلْ // *qāla –yaqūlu – qul* // . Wazan yang digunakan adalah W 3 فَـعَـلَ - يَـفْـعُـلُ - اُفْـعُـلْ < *fa‘ala - yaf‘ulu - ‘uf‘ul* > :

Jadual 5.26 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 5

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| | - | ( أَنْـتَ ) قُـلْ | | فُـلْ | ▪ Pengguguran huraf *wāw* di sisipan |
| Kedua | يْ | ( أَنْتِ ) قُـوْ لِـيْ | فُـعْـلِـيْ | | ▪ Tiada perubahan |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) قُـوْلاَ | فُـعْـلاَ | | ▪ Tiada perubahan |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) قُـوْلُـوْا | فُـعْـلُـوْا | | ▪ Tiada perubahan |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) قُـلْـنَ | | فُـلْـنَ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di sisipan |

Analisis dalam jadual 5.26 di atas menunjukkan pembentukkan kata kerja perintah bagi kod JK 5 قَـالَ - يَـقُـوْلُ mengalami dua perubahan pada struktur katanya apabila bersambungan dengan *ḍamīr* . Perubahan tersebut melibatkan penukaran huruf dan pengguguran huruf sisipan.

Penukaran huruf sisipan daripada *alīf* kepada huruf *wāw* telah berlaku berlaku ketika proses pembentukkan kata kerja kala kini dan sebelum bersambungan dengan *ḍamīr* . Huruf *wāw* tersebut dikekalkan apabila bersambungan dengan *ḍamīr sukūn* seperti *ḍamīr mufrad* feminim قُـوْ لِـيْ ( أَنْتِ ) , *ḍamīr muthanna* laki-laki dan feminim قُـوْلاَ ( أَنْتُمَا ) , *ḍamīr jamak* laki-laki قُـوْلُـوْا ( أَنْتُمْ ) (’Ibn Hisyām , 1979 : 392 ). Perbezaan wazan adalah <u>فُـعْـلِـيْ < *fu'lī* > , فُـعْـلاَ < *fu'lā*</u> > dan <u>فُـعْـلُـوْا</u> <u>< *fu'lū*</u> >

Pengguguran huruf sisipan berlaku pada kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr murfad* laki –laki قُـلْ ( أَنْـتَ) dan *ḍamīr* jamak feminim قُـلْـنَ ( أَنْتُنَّ ) bagi diri kedua disebabkan pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut pada huruf kedua dan huruf akhir kata akar, misalnya قُ وْ لْ ( أَنْتِ ) dan قُ وْ لْ نَ ( أَنْتُنَّ ) ( ’Abū Ḥanīfah bin Nu‘mān , 1940 : 84 ). Perbezaan wazan adalah قُـلْ < *ful* > dan قُـلْـنَ < *fulna* >.

Berdasarkan analisis terhadap JK 5 di atas dapatlah dirumuskan bahawa kaedah umum bagi pembentukan kata kerja perintah ketika bersambungan dengan *ḍamīr* adalah tertakluk kepada harakah huruf akhir kata akar samada berharakah *sukūn* atau tidak. Jika berharakah *sukūn* maka huruf akar kedua digugurkan , sebaliknya jika tidak maka huruf akar kedua dikekalkan (Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat 1962 : 190 ) .

Peraturan dan kaedah ditunjukkan dalam jadual 5.26 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja perintah dalam sistem kod JK 5 seperti قُـمْ ، أَدِرْ ، طَـوِّلْ ، شَـاوِرْ ، تَـحَـاوَرْ ، اِحْـتَـجْ ، اِنْـقَـدْ ، اِ سْـتَـجِـبْ: .

### 5.3.6 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 6-1

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja نَسِـيَ – يَنْـسَـى - اِنْـسَ // *nasiya* – *insa* // . Wazan yang digunakan adalah W 4 فَـعِـلَ - يَـفْـعَـلُ- اِفْـعَـلْ < *fa‘ila* - *yaf‘alu* - *if‘al* > seperti dalam jadual di bawah **:**

Jadual 5.27 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 6-1

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | ( أَنْـتَ ) انْـسَ | | افْـعَ | ▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran |
| | يْ | ( أَنْتِ ) انْـسَـيْ | | افْعَـيْ | ▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran |
| | ا | ( أَنْتُمَا ) انْـسَـيَـا | | ا فْعَـلاَ | ▪ Pertukaran huruf *alīf* di akhiran kepada huruf yā’ berharakah *fatḥah* |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) انْـسَـوْا | | ا فْعَـوْا | ▪ Pengguguran huruf *alīf* di akhiran |
| | نْ | ( أَنْتُنَّ ) انْـسَـيْنَ | ا فْعَـلْنَ | | ▪ Pertukaran huruf *alīf* di akhiran kepada huruf *yā’* berharakah *sukūn* |

Analisis terhadap contoh – contoh kata kerja perintah bagi JK 6-1 dalam jadual 5.27 di atas , menunjukkan bahawa terdapat dua bentuk perubahan iaitu pengguguran dan penukaran huruf telah berlaku pada struktur kata ketika bersambungan dengan *ḍamīr* .

Pengguguran huruf alīf di akhiran kata akar berlaku apabila bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* laki-laki انْــسَ ( أَنْـتَ ) , *ḍamīr mufrad* feminin انْــسَــيْ ( أَنْتِ ) , dan *ḍamīr* jamak laki-laki انْــسَــوْا ( أَنْتُمْ ) ( Ibn ‘Aqīl , 1990 : 2 : 597 ). Perbezaan wazan adalah افْــعَ < *if‘a* > , افْعَــيْ < *if‘ā* > dan افْعَــوْا < *if‘aw* > .

Sementara penukaran huruf pula berlaku apabila huruf *alīf* ditukarkan kepada huruf asal kata akar iaitu huruf *yā’* ketika bersambungan dengan *ḍamīr muthanna* seperti انْـسَـيَـا ( أَنْتُمَا ) dan *ḍamīr jamak* feminin seperti انْــسَـــيْـنَ ( أَنْتُنَّ ) seperti dalam jadual di atas ( al-Ḥamalāwiy , 1990 : 84 ). Perubahan ini tidak melibatkan perbezaan pada wazan .

Kaedah dalam jadual di atas boleh digunakan pada semua jenis kata kerja perintah dalam sistem kod JK 5 yang sama seperti ، ارْضَ ، ارْعَ ، تَـدَاعَ ، تَـنَـامَ ، تَـلاَقَ تَـبَـاكَ.

### 5.3.7 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 6-2

Sampel yang digunakan untuk analisis inilah adalah kata kerja دَعَـا – يَدْعُـوْ - اُدْعُ // *daā* – yad‘ū –’*ud‘u* // . Wazan yang digunakan adalah W 3 فَـعَـلَ - يَـفْـعُـلُ - اُفْـعُـلْ < *fa‘ala* - *yaf‘ulu* - ‘*uf‘ul* > **:**

Jadual 5.28 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 6-2

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan selepas sambungan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | ادْعُ ( أَنْـتَ ) | | افْـعُ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di akhiran |
| | يْ | ادْعِــيْ ( أَنْتِ ) | | افْعِــيْ | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di akhiran dan pengalihan harakah *ḍammah* huruf kedua kata akar kepada harakah *kasrah.* |
| | ا | ادْعُـوَا ( أَنْتُمَا ) | اُفْـعُــلاَ | | ▪ Tiada perubahan kecuali huruf akhir kata akar berharakah *fatḥah* |
| | وْ | ادْعُـوْا ( أَنْتُمْ ) | | ا فْعُـوْا | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di akhiran |
| | نَ | ادْعُـوْنَ ( أَنْتُنَّ ) | ا فْعُلْنَ | | ▪ Tiada perubahan |

Berdasarkan analisis terhadap contoh –contoh kata kerja JK 6-2 ادْعُ dalam jadual 5.28 di atas , menunjukkan kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr muthanna* , *ḍamīr* jamak feminin tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur kata dan wazannya. Manakala kata kerja yang bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* laki-laki, *ḍamīr mufrad* feminin , *ḍamīr jamak* laki-laki telah mengalami perubahan bunyi pada struktur kata dan wazannya. Perubahan yang terlibat adalah pengguguran ‘*illah* dan pengalihan harakah .

Pengguguran ‘*illah* berlaku apabila huruf *wāw* digugurkan ketika bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* laki-laki ( أَنْتَ ) أُدْعُـ (وْ) kerana menjadi lambang kepada ‘ *jazm* kata kerja perintah (’Amin ‘Aliy al-Sayyid , 1972 : 66 ) . Perbezaan wazan adalah أُفْعُ < *’uf‘u* > .

Pengguguran huruf *wāw* juga berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* feminin bagi diri kedua ( ( أَنْتِ ) ادْعِـ (وْ) يْ kerana mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 55 ) . Pemilihan huruf *wāw* untuk digugurkan kerana ia merupakan huruf kata akar yang tidak membawa sebarang fungsi nahuan berbanding dengan huruf *yā’* selepasnya yang berperanan sebagai *ḍamīr mufrad* feminin. Apabila huruf *wāw* digugurkan , proses pengalihan harakah ḍ*ammah* huruf kedua kata akar kepada harakah *kasrah* telah berlaku seperti ( أَنْتِ ) ادْ( عِ )ـيْ . Perbezaan wazan adalah < تَفْعِيْـنَ < *taf‘īna* >.

Selain itu huruf wāw juga digugurkan apabila bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua ( أَنْتُمْ ) ادْعُـ ( وْ ) وْا kerana mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut – turut dalam satu perkataan (al-Ḥamalāwiy 1995 : 219 ). Pemilihan pengguguran huruf *wāw* pada *ḍamīr jamak* laki-laki tersebut kerana ia merupakan huruf kata akar yang tidak membawa sebarang fungsi nahuan berbanding dengan huruf *wāw* selepasnya yang berperanan sebagai *ḍamīr* jamak laki-laki pada ( أَنْتُمْ ) ادْعُـ ( وْ ) وْا ( Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 50 ) . Perbezaan wazan adalah افْعُـوْا < *’uf‘ū* > .

Peraturan dan kaedah sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 5.28 di atas boleh gunakan bagi semua jenis kata kerja perintah dalam sistem kod JK 5 yang sama seperti أُرْجُ ، انْمُ ، اشْـكُ ، الْـهُ ،

### 5.3.8 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 6-3

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja رَمَـى – يَـرْمِيْ - ارْمِ // *rama – yarmī*– *irmi* // . Wazan yang digunakan adalah W 2 فَـعَـلَ - يَـفْـعِـلُ - افْـعِـلْ < *fa'ala - yaf'ilu - 'if'il* > :

Jadual 5.29: Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 6-3

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | - | ارْمِ ( أَنْـتَ ) | | افْـعِ < *if'i* > | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran |
| | يْ | ارْمِـيْ ( أَنْتِ ) | | افْعِـيْ < *if'ī* > | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran |
| | ا | ارْمِـيَـا ( أَنْتُمَا ) | افْعِـلاَ < *if'ilā* > | | ▪ Tiada perubahan berlaku kecuali huruf *yā* di akhiran *yā* berharakah *fatḥah* |
| | وْ | ارْمُـوْا ( أَنْتُمْ ) | | افْعُـوْا < *uf 'ū* > | ▪ Pengguguran huruf *wāw* di akhiran dan pengalihan harakah |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | نَ | ارْمِــيْنَ ( أَنْتُنَّ ) | افْعِلْنَ<br>< *if'ilna* > | | *kasrah* huruf kedua kata akar kepada harakah *ḍammah*<br>▪ Tiada perubahan |

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap contoh kata kerja perintah bagi *kod* JK 6-3 dalam jadual 5.29 di atas , menunjukkan bahawa terdapat dua bentuk perubahan yang ketara pada struktur katanya iaitu pengguguran huruf *'illah* di akhiran , pengalihan harakah . Pengguguran huruf *'illah* di akhiran berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* laki-laki bagi diri kedua seperti ارْمِ ( أَنْـتَ ) . Pengguguran dalam konteks ini sebagai petanda kepada *jazm* kata kerja perintah . Perbezaan wazan adalah افْـعِ < *if'i* > . Pengguguran huruf *'illah* juga berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* feminin bagi diri kedua seperti ارْمِــيْ ( أَنْتِ ) dan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua ارْمُــوْا ( أَنْتُمْ ) kerana mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut –turut dalam satu perkataan ـيْ ( يْـ ) ارْمِـ ( أَنْتِ ) dan وْا ( وْ ) ارْمُـ ( أَنْتُمْ ). Perbezaan wazan adalah اِفْعِــيْ < *if'ī* > dan افْعُـوْا < *uf 'ū* > ( Fakhruddin Qabāwat ,1988 : 92 ) .

Pengalihan harakah pula hanya terdapat pada kata kerja perintah yang bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua iaitu daripada harakah *kasrah* pada huruf kedua kata akar ـوْا(مِـ ) ارْ ( أَنْتُمْ ) kepada harakah ḍ*ammah* ـوْا (مُـ) ارْ ( أَنْتُمْ ) . Perbezaan wazan adalah اُفْعُـوْا < *uf'ū* > ( 'Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 55 ) .

Perletakkan harakah *fatḥah* pada huruf *yā'* di akhiran berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr muthanna* ارْمِـيَـا ( أَنْتُمَا ) tetapi tidak melibatkan perubahan pada wazan <u>اِفْعِلاَ < *if'ila*</u> > ( 'Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 62 ).

Kaedah yang sama boleh dilakukan kepada semua jenis kata kerja JK 6-3 berdasarkan ciri-ciri vokal yang sama dan serumpun dengannya seperti أَ رْعِ ، صَـفِّ ، نَــادِ ، ، اِعْـتَـدِ ، اِنْـجَـلِ ، اِسْتَتَـغْلِ

### 5.3.9 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 7

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja رَوَى - يَرْوِيْ - اِرْوِ // *rawa – yarwī– <u>irwi</u>* // . Wazan yang digunakan adalah W 2 <u>فَـعَـلَ - يَـفْـعِـلُ -اِفْـعِـلْ</u> <u>< *fa'ala* - yaf'ilu - < *if'il*</u> > **:**

Jadual 5.30 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 7

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| | - | اِرْوِ ( أَنْتَ ) | | <u>اِفْـعِ</u><br><u>< *if'i* ></u> | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran |
| | يْ | اِرْوِيْ ( أَنْتِ ) | | <u>اِفْـعِـيْ</u><br><u>< *if'ī* ></u> | ▪ Pengguguran huruf *yā'* di akhiran |
| Kedua | ا | اِرْوِيَـا ( أَنْتُمَا ) | اِفْعِـلاَ<br>< *if'ilā* > | | ▪ Huruf *yā'* di akhiran berharakah *fatḥah* |
| | وْ | اُرْوُوْا ( أَنْتُمْ ) | | <u>اُفْعُـوْا</u> | ▪ Pengguguran huruf |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | <u>< uf‘ū ></u> | *yā’* di akhiran dan pengalihan harakah *kasrah* huruf kedua akhir kata akar kepada harakah *ḍammah* |
| | نَ | اِرْوِيْـنَ ( أَنْتُنَّ ) | اِفْعِـلْـنَ < *if‘ilna* > | | ▪ Tiada perubahan berlaku |

Berdasarkan analisis contoh– contoh dalam jadual 5.30 di atas , mendapati pembentukan kata kerja perintah bagi kod JK 7 melibatkan dua proses perubahan yang berlaku apabila bersambungan dengan *ḍamīr* iaitu pengguguran huruf *‘illah* dan pengalihan harakah .

Proses pengguguran huruf *‘illah* iaitu huruf *yā’* di akhiran berlaku apabila bersambungan dengan *ḍamīr mufrad* laki-laki bagi diri kedua seperti اِرْوِ ( أَنْتَ) , *ḍamīr mufrad* feminin bagi diri kedua seperti اِرْوِيْ ( أَنْتِ ) , dan *ḍamīr jamak* laki-laki bagi diri kedua seperti اِرْوُوْا ( أَنْتُمْ ) ( Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 92 ) . Pengalihan harakah pula daripada harakah *kasrah* huruf kedua akhir kata akar ke pada harakah *ḍammah* hanya berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki seperti اِرْوُوْا ( أَنْتُمْ ). Perbezaan wazan adalah <u>اِفْعِ < *if‘i* ></u> , <u>اِفْـعِـيْ < *if‘ī* ></u> dan <u>اُفْعُـوْا < *uf‘ū* >.</u>

Peletakkan harakah *fatḥah* pada huruf *yā’* di ’ akhiran berlaku pada *ḍamīr muthanna* bagi diri kedua seperti اِرْوِيَـا ( أَنْتُمَا ) tetapi tidak melibatkan perubahan pada struktur katanya . Manakala kata kerja perintah yang bersambungan dengan *ḍamīr jamak* feminin bagi diri kedua seperti اِرْوِيْـنَ ( أَنْتُنَّ ) tidak mengalami sebarang perubahan malah huruf-huruf kata akarnya tetap utuh pada tempatnya ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy, t.t : 58 ) .

Kaedah dalam jadual di atas boleh digunakan pada semua kata kerja perintah yang sama jenis dan kod JK dengannya seperti . حَـيِّ ، ، أَقْـوِ ، تَـقَـاوَ ، ، سَـاوِ ، اِسْتَهْـوِ ، اِنْطَـوِ ، تَـرَوَّ .

### 5.3.10 Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod JK 8

Sampel yang digunakan untuk analisis ini adalah kata kerja وَفَـى - يَفِـيْ - فِ // *wafa – yafī – <u>fi</u>* // . Wazan yang digunakan adalah W 2 <u>فَعَـلَ - يَـفْـعِـلُ -اِفْـعِـلْ</u> <u>< *fa‘ala - yaf‘ilu - if‘il*</u> > **:**

Jadual 5.31 : Analisis kata kerja perintah bagi kod JK 8

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| | - | فِ ( أَنْـتَ ) | | عِ <br> <u>< ‘i</u> > | ▪ Pengguguran huruf *yā’* di akhiran |
| | يْ | فِـيْ ( أَنْتِ ) | | <u>عِـيْ</u> <br> <u>< ‘ī</u> > | ▪ Pengguguran huruf *yā’* di akhiran |

| Diri | GN | KK | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Kedua | ا | ( أَنْتُمَا ) فِـيَـا | عِــلاَ < ‘*lā* > | | ▪ Huruf *yā’* di akhiran berharakah *fatḥah* |
| | وْ | ( أَنْتُمْ ) فُـوْا | | عُـوْا < ‘*ū* > | ▪ Pengguguran huruf *yā’* di akhiran dan pengalihan harakah *kasrah* huruf kedua akhir kata akar kepada harakah *ḍammah* |
| | نَ | ( أَنْتُنَّ ) فِـيْـنَ | | عِلْنَ < ‘*ilna* > | ▪ Tiada perubahan |

Analisis contoh-contoh kata kerja JK 8 dalam jadual 5.31 di atas , menunjukkan tiga perubahan berlaku pada struktur kata kerja perintah berkenaan apabila bersambungan dengan *ḍamīr* . Perubahan pertama ialah pengguguran huruf *yā’* di akhiran ketika bersambungan dengan *ḍamīr* *mufrad* laki-laki bagi diri kedua seperti ( يْ ) فِـ (أَنْـتَ) , *ḍamīr* *mufrad* feminin bagi diri kedua seperti فِـ( يْ )يْ ( أَنْتِ ) dan *ḍamīr* *jamak* laki-laki bagi diri kedua seperti ( أَنْتُمْ ) فِــ( يْ )ـوْا . Perbezaan wazan adalah عِ < ‘*i* > , عِــيْ < ‘*ī* > dan عُـوْا < ‘*ū* >.

Perubahan kedua ialah proses pengalihan harakah daripada yang turut berlaku ketika bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki . Pemindahan tersebut berlaku daripada harakah *kasrah* pada huruf kedua akhir kata akar فِـوْا ( أَنْتُمْ ) kepada harakah *ḍammah* seperti فُـوْا ( أَنْتُمْ ) wazan عُـوْا < ‘ū >.

Manakala perubahan ketiga pula ialah peletakan harakah *fatḥah* pada huruf *yā’* di akhiran ketiga bersambungan dengan *ḍamīr muthanna* bagi diri kedua seperti فِـيَـا (أَنْتُمَا). Perbezaan wazan adalah عِيَا < ‘*iyā* >.

Kata kerja perintah yang bersambungan dengan *ḍamīr jamak* feminim tetap teguh dan tidak menerima sebarang perubahan bunyi pada huruf kata akarnya فِـيْـنَ ( أَنْتُـنَّ ) . Perbezaan wazan adalah عِلْنَ < ‘*ilna* > .

Pengguguran huruf awalan *wāw* pada semua kata kerja berkenaan dalam jadual di atas telah berlaku bukan disebabkan sambungannya dengan *ḍamīr* , sebaliknya berlaku ketika proses pembentukan kata kerja kala kini dahulu , kerana pembentukan kata kerja perintah mengikut kata kerja kala kini ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973 : 152 ) .

Berdasarkan analisis di atas dapat disimpulkan bahawa hukum huruf pertama kata kerja JK 8 adalah sama dengan hukum huruf pertama kata kerja JK 4 dan hukum huruf akhiran pula adalan sama dengan hukum huruf akhiran kata kerja JK 6 ( ’Abū Ḥanīfah bin Nu‘mān , 1940 : 97 ) .

Kaedah dalam jadual di atas boleh digunakan pada semua kata kerja yang sama jenis dan kod JK dengannya seperti . وَلِّ ، وَازِ ، تَوَاصَ ، أَوْصِ ، تَوَقَّ ، اِسْتَوْحِ.

## 5.4 ANALISIS PEMBENTUKAN POLA KATA KERJA KETIKA BERSAMBUNGAN DENGAN *NUN TAWKĪD*

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis pembentukan pola kata kerja ketika bersambungan dengan *Nūn Taukīd Thaqīlah* dan *Nūn Taukīd Khafīfah* bagi mengenalpasti kesan-kesan perubahan terhadap wazan :

### 5.4.1 Analisis Pembentukan Pola Kata kerja Kala Kini Dan Kata kerja Perintah Ketika Bersambungan Dengan Partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الثَقِيْلَةِ )

Pola kata kerja kala kini dan kata kerja perintah akan mengalami perubahan pada huruf akhir ketika bersambungan dengan partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah*. Perubahan yang berlaku menyebabkan wujud perbezaan wazan yang ketara dengan wazan asalnya . Analisis berdasarkan kepada jenis kod kata kerja JK seperti dinyatakan dalam jadual di bawah :

Jadual 5.32 : Pola kata kerja kala kini ketika bersambungan dengan partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah* ( نُوْنُ التَّوْكِيْدِ الثَّقِيْلَةِ )

| Bil | GN | Kod JK | Contoh | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | *Mufrad* | 1. JKS atau JKM | لَتَجْمَعَنَّ<br>لَتَقُوْلَنَّ | لَتَفْعَلُنَّ<br>لَتَفْعَلُنَّ | لَتَفْعَلَنَّ<br>لَتَفْعَلَنَّ | ▪ Huruf akhir kata akar ditetapkan dengan harakah *fatḥah* . |
| | | 2. JK 6 atau JK 7 | اِسْعَيَنَّ<br>اُدْعُوَنَّ<br>اِقْوِيَنَّ | اِفْعَلْنَّ<br>اُفْعَلْنَّ<br>اُفْعِلْنَّ | اِفْعَلَنَّ<br>اُفْعَلَنَّ<br>اُفْعِلَنَّ | ▪ Huruf akhir kata akar yang digugurkan mesti dikembali kepada asalnya . Sekiranya huruf akhir adalah huruf *alīf* , maka tukarkan kepada huruf *yā'* |
| | | 3. JK 5 ( ketika *jazm*) | قُوْلَنَّ<br>بِيْعَنَّ | فُلَنَّ<br>فُلَنَّ | فُوْلَنَّ<br>فُوْلَنَّ | ▪ Huruf sisipan kata akar yang digugurkan dikembali kepada asalnya |
| 2 | Muthanna | Semua Kod JK | لَتَكْتَبَانِّ<br>لَتَرْضِيَانِّ | لَتَفْعُلاَنْنَّ<br>لَتَفْعِلاَنْنَّ | لَتَفْعُلاَنِّ<br>لَتَفْعِلاَنِّ | ▪ Pengguguran huruf *nūn muthanna* bagi mengelakkan pertembungan tiga huruf nuun, dan harakah *nūn taukīd dikasrahkan*. |
| 3 | Jamak laki-laki | 1.JKS ( *ṣaḥīḥ* akhir) | لَتَكْتُبُنَّ<br>لتَحْرُصُنَّ | لَتَفْعُلُوْنَنَّ<br>لَتَفْعُلُوْنَنَّ | لَتَفْعُلُنَّ<br>لَتَفْعُلُنَّ | ▪ Pengguguran huruf *nūn* dan *wāw* jamak dan mengekalkan harakah *ḍammah* pada huruf *nūn taukīd* . |
| | | 2. JKM ( *mu'tal* akhir ) | - | - | - | ▪ 1.Pengguguran huruf akhir kata akar dalam semua keadaan . |

| Bil | GN | Kod JK | Contoh | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2.لَتَسْعَوُنَّ<br>لَتَنْسَوُنَّ<br>لَتَرْضَّوُنَّ | لَتَفْعَلُوْنَنَّ<br>لَتَفْعَلُوْنَنَّ<br>لَتَفْعَلُوْنَنَّ | لَتَفْعَوُنَّ<br>لَتَفْعَوُنَّ<br>لَتَفْعَوُنَّ | 2.Sekiranya huruf akhir adalah huruf *alīf* penanda jamak dikekalkan dengan harakah *ḍammah* serta huruf sebelumnya berharakah *fatḥah* . |
| | | | 3. لَتَدْعُنَّ<br>لَتَطْوُنَّ<br>لَتَشْكُنَّ | لَتَفْعُلُوْنَنَّ<br>لَتَفْعُلُوْنَنَّ<br>لَتَفْعُلُوْنَنَّ | لَتَفْعُنَّ<br>لَتَفْعُنَّ<br>لَتَفْعُنَّ | 3. Sebaliknya jika huruf akhir adalah salah satu daripada huruf *ya'* atau *wāw* . maka kedua-duanya digugurkan bersama huruf *wāw* penanda jamak dan huruf sebelumnya berharakah *ḍammah* . |
| | *yā' Mukhatabah* | 1. JKS (ṣaḥīḥ Akhir ) | لَتَجْتَهِدِنَّ | لَتَفْعِلِيْنَّ | لَتَفْعِلِنَّ | ▪ Pengguguran *yā' mukhāṭabah* kerana mengelak daripada pertembungan dua huruf yang berharakah sukūn. . |
| | | 2. JKM (*mu'tal* akhir *wāw* dan *yā'*) | لتَدْعِنَّ<br>لَتَمْشِنَّ | لَتَفْعِلِيْنَنَّ<br>لَتَفْعِلِيْنَنَّ | لَتَفْعِنَّ | ▪ Pengguguran hruf akhir kata akar , *nūn raf'i* dan *yā' mukhāṭabah* |
| | | 3. JKM (*mu'tal* akhir *alīf* ) | لَتَرْضَيِنَّ<br>لَتَسْعَيِنَّ | لَتَفْعَلَيْنَنَّ<br>لَتَفْعَلَيْنَنَّ | لَتَفْعَيِنَّ | ▪ Pengguguran huruf akhir kata akar dan *nūn raf'i*. Manakala *yā' mukhāṭabah*. di*kasrahkan* dan huruf sebelumnya di*fatḥah*kan. |
| 4 | *Nūn Niswah* | JKS dan JKM | لَتَكْتُبْنَانِّ<br>لَتَسْعَيْنَانِّ | لَتَفْعُلْنَنَّ<br>لَتَفْعَلْنَنَّ | لَتَفْعُلْنَانَّ<br>لَتَفْعَلْنَانَّ | ▪ Penambahan huruf *alīf* sebagi pemisah antara nun *niswah* dan *nūn taukīd* dan harakah *nūn taukīd dikasrahkan*. |

Berdasarkan analisis terhadap contoh –contoh dalam jadual 5.32 di atas , didapati kata kerja JKS dan JKM dalam kategori *mufrad* tidak mengalami sebarang perubahan yang ketara pada struktur kata dan wazan apabila bersambungan dengan partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah* secara langsung kecuali penetapan harakah *fatḥah* pada huruf akhir kata akarnya seperti لَتَجْمَعَـنَّ , لَتَقُوْلَـنَّ . Kata kerja JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 dalam katagori *mufrad* yang sama ketika dalam keadaan *jazm* juga tidak mengalami perubahan yang serius pada wazan Perubahan hanya melibatkan pengembalian huruf asal yang digugurkan apabila bersambungan dengan *Nūn Tawkīd Thaqīlah* . Ini dapat dilihat dengan jelas pada kata kerja perintah JK 5 seperti قُوْلَـنَّ , بِيْـعَـنَّ dan kerja kerja perintah JK 6 dan JK 7 seperti اِسْعَيَـنَّ , اُدْعُوَنَّ , اِقْوِيَـنَّ .

Bagi kategori *muthanna* pula terdapat perubahan pada wazan asal. Partikel *nūn muthanna* bagi semua jenis kata kerja digugurkan bagi mengelakkan pertembungan tiga huruf *nūn*, dan harakah *nūn taukīd thaqīlah* pula *dikasrahkan* ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 52 ) seperti لَتَكْتَبَانِّ , لَتَرْضِيَانِّ ( wazan asalnya ialah لَتَكْتُبَانِنَّ dan لَتَرْضَيَانِنَّ ). Perbezaan wazan adalah لَتَفْـعُـلاَنِّ < *lataf‘ulanni* > , لَتَفْـعِـلاَنِّ < *lataf‘ilanni* > .

Bagi kategori jamak laki-laki , Pengguguran huruf *nūn raf’i* dan *wāw jamak* bagi kata kerja kala kini yang *ṣaḥīḥ* akhir berlaku apabila bersambungan dengan partikel *nūn tawkīd thaqīlah* , sementara huruf sebelumnya dikekalkan dengan harakah *ḍammah* seperti لَتَكْتُبُـنَّ , لتَحْرُصُنَّ Bentuk asalnya ialah لَتَقُوْلُوْنَـنَّ dan لتَحْرُصُوْنَنَّ ( al-Ḥamalāwiy ,1995 : 78 ). Perbezaan wazan adalah لَتَـفْعُلُـنَّ < *lataf‘ulunna* > .

Bagi kata kerja *mu’tal* akhir pula huruf akhir kata akar digugurkan apabila bersambungan dengan *ḍamīr jamak* laki-laki seperti لَتَسْعَوْنَ ( wazan asalnya لَتَسْعَاوْنَ ), لَتَنْسَونَ ( wazan asalnya لَتَنْسَاونَ ), لَتَرْضَّوْنَ ( wazan asalnya لَتَرْضَّاوْنَ ) , لَتَدْعُوْنَ ( wazan asalnya لَتَدْعُوُونَ ) , لَتَطْوُوْنَ ( wazan asalnya لَتَطْوِيُوْنَ ), لَتَشْكُوْنَ ( wazan asalnya لَتَشْكُوُوْنَ ). Huruf *nūn raf‘i* digugurkan apabila bersambungan *nūn taukīd thaqīlah* dan huruf *wāw* penanda jamak dikekalkan dengan harakah *ḍammah* sekiranya huruf akhir adalah huruf *alif* gantian seperti لَتَسْعَوُنَّ ( wazan asalnya لَتَسْعَوْنَنَّ ), لَتَنْسَوُنَّ ( wazan asalnya لَتَنْسَوْنَنَّ ), لَتَرْضَّوُنَّ ( wazan asalnya لَتَرْضَّونَنَّ ) ( al-Sa‘diy , 1973 :76 ). Perbezaan wazan adalah <u>لَتَفْعَوُنَّ < *lataf‘awunna*</u> >. Sebaliknya jika huruf akhir adalah salah satu daripada huruf *ya’* atau *wāw* , maka kedua-duanya digugurkan bersama huruf *wāw* penanda jamak dan huruf sebelumnya berharakah *ḍammah* seperti لَتَدْعُنَّ ( wazan asalnya لَتَدْعُوْنَنَّ ), لَتَطْوُنَّ ( wazan asalnya لَتَطْوُوْنَنَّ ) , لَتَشْكُنَّ ( wazan asalnya لَتَشْكُوْنَنَّ) . Perbezaan wazan adalah <u>لَتَفْعُنَّ < *lataf‘unna*</u> > .

Pengguguran huruf *yā’ mukhāṭabah* pula pada semua jenis kata kerja yang *ṣaḥīḥ* akhir apabila bersambungan dengan *nūn tawkīd thaqīlah* bagi mengelak daripada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat 1962 : 71 ) seperti لَتَجْتَهِدِنَّ ( wazan asalnya لَتَجْتَهِدِيْنَنَّ ). Keadaan ini berlaku kerana sambungan dengan *nūn tawkīd thaqīlah* menyebabkan berlaku pengguguran *nūn raf‘* dan pertembungan dua harakah *sukūn* iaitu *yā’ mukhāṭabah* dan *nūn tawkīd pertama* seperti لَتَجْتَهِدِيْنْنَ . Dalam keadaan ini *yā’ mukhāṭabah* digugurkan لَتَجْتَهِدِنَّ . Perbezaan wazan adalah <u>لَتَفْعِلِنَّ</u> <u>< *lataf‘ilinna*</u> >

Bagi kata kerja yang *mu’tal* akhir *waw* dan *ya’* pula , pengguguran huruf akhir kata akar telah pun berlaku ketika penggabungan dengan *yā’ mukhāṭabah* seperti لتَدْعِيْنَ ( pola asalnya لتَدْعُـوِيْنَ ) , لَتَمْشِـيْنَ ( pola asalnya لَتَمْشِـيِـيْنَ ) . Setelah kehadiran *nūn tawkīd thaqīlah* , huruf *nūn raf’i* dan *yā’ mukhāṭabah* digugurkan , manakala harakah *kasrah* sebelumnya dikekalkan sebagai lambang kepada pengguguran huruf *ya’ mukhātabah* seperti لَتَدْعِنَّ ( pola asalnya لَتَدْعِـيْنَنَّ) dan لَتَمْشِنَّ ( pola asalnya لَتَمْشِـيْـنَنَّ ) . Perbezaan wazan adalah <u>لَتَفْعِـنَّ < *lataf‘inna* ></u> ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 64) .

Bagi kategori kata kerja *mu’tal alīf* pula , proses pengguguran hanya berlaku pada huruf akhir kata akar dan huruf *nūn raf’i* sahaja , manakala huruf *ya’ mukhātabah* dikekalkan dengan memindahkannya kepada harakah *kasrah* seperti لَتَسْعَيِنَّ ( pola asalnya لَتَسْعَـايْـنَنَّ ) , لَتَرْضَيِنَّ ( pola asalnya لَتَرْضَـايْـنَنَّ ) . Kehadiran *nūn taukid thaqīlah* menyebabkan berlaku pengguguran *nūn raf’i* dan seterusnya membawa kepada pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut iaitu *yā’ mukhāṭabah* dan *nūn tawkīd pertama* لَتَسْعَيْنْنَ dan لَتَرْضَيْنْنَّ. Kedua-dua huruf yang berharakah *sukūn* tersebut tidak boleh digugurkan atas sebab-sebab morfologi kerana kedua-duanya mempunyai fungsi berlainan iaitu *yā’ mukhtābah* membawa makna *ḍamīr* dan *nūn taukid* pula membawa makna penegasan . Oleh yang demikian huruf *yā’ mukhāṭabah dikasrahkan* dan huruf sebelumnya *difatḥahkan* seperti لَتَسْعَيِنَّ dan لَتَرْضَيِـنَّ ( al-Ḥamalāwiy , 1995 : 78 ) . Perbezaan wazan adalah <u>لَتَفْعَـيِنَّ < *lataf ‘ayinna* ></u> .

Bagi kategori *nūn niswah* , penggandingan *nūn tawkīd thaqīlah* dengan kata kerja JKS dan JKM tidak melibatkan banyak perubahan pada struktur kata dan waazn kecuali penambahan huruf *alif* sebagi pemisah antara *nūn niswah* dan *nūn taukīd* dan harakah *nīn tawkīd dikasrahkan* seperti لَتَكْتُبْنَانِّ , لَتَسْعَيْنَانِّ ( pola asalnya ialah تَكْتُبْنَنَّ , تَسْعَيْنَنَّ ). Selepas sambungan *nūn niswah* dengan *nūn taukīd thaqīlah* memyebabkan berlaku pertembungan tiga huruf *nūn* iaitu *nūn niswah* dan dua *nūn tawkīd* لَتَكْتُبْنَنَّ , لَتَسْعَيْنَنَّ . Oleh kerana ketiga –tiga *nūn* tersebut tidak boleh digugurkan atas sebab – sebab morfologi , .maka huruf *alif* terpaksa ditambah bagi memisahkan antara *nūn niswah* dengan *nūn tawkīd thaqīlah* . Kemudian harakah *nūn tawkīd thaqīlah dikasrahkan* kerana menyamai dengan *kasrah nūn* selepas *alīf muthanna* seperti لَتَكْتُبْنَانِّ , لَتَسْعَيْنَانِّ ( Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 262 ) . Perbezaan wazan adalah لَتَفْعُلْنَانَّ < *lataf* ‘*ulnānna* > .

Jadual 5.33 dan 5.34 berikut adalah rumusan pembentukan pola kata kerja kala kini ketika bersambungan dengan partikel *nūn tawkīd thaqīlah* :

Jadual 5.33 : Rumusan pola kata kerja kala kini ketika bersambungan dengan partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الثَقِيْلَةِ )

| Diri | | GN | JK 1,JK 2 , JK 4 | JK 3 | JK 5 | JK 6 , JK 7 , JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | *Mutakallim* | أَنَا | أَفْعَلَنَّ | أَمُدَّنَّ | أَقُوْلَنَّ | أَغْزُوَنَّ |
| | | نَحْنُ | نَفْعَلَنَّ | نَمُدَّنَّ | نَقُوْلَنَّ | نَغْزُوَنَّ |
| Kedua | *Muzakkar* | هُوَ | يَفْعَلَنَّ | يَمُدَّنَّ | يَقُوْلَنَّ | يَغْزُوَنَّ |
| | | هُمَا | يَفْعَلاَنِّ | يَمُدَّانِّ | يَقُوْلاَنِّ | يَغْزُوَانِّ |
| | | هُمْ | يَفْعَلُنَّ | يَمُدُّنَّ | يَقُوْلُنَّ | يَغْزُ نَّ |
| | *Muannath* | هِيَ | تَفْعَلَنَّ | تَمُدَّنَّ | تَقُوْلَنَّ | تَغْزُوَنَّ |
| | | هُمَا | تَفْعَلاَنِّ | تَمُدَّانَّ | تَقُوْلاَنَّ | تَغْزُوَانَّ |
| | | هُنَّ | يَفْعَلْنَانَّ | يَمْدُدْنَانِّ | يَقُلْنَانِّ | يَغْزُوْنَانِّ |
| Ketiga | *Muzakkar* | أَنْتَ | تَفْعَلُنَّ | تَمُدَّنَّ | تَقُوْلَنْ | تَغْزُوَنَّ |
| | | أَنْتُمَا | تَفْعَلاَنِّ | تَمُدِّانِّ | تَقُوْلاَنَّ | تَغْزُوَانَّ |
| | | أَنْتُمْ | تَفْعَلُنَّ | تَمُدُّنَّ | تَقُوْلُنَّ | تَغْزُ نَّ |
| | *Muannath* | أَنْتِ | تَفْعَلِنَّ | تَمُدِّنَّ | تَقُوْلِنَّ | تَغْزِ نَّ |
| | | أَنْتُمَا | تَفْعَلاَنِّ | تَمُدِّانِّ | تَقُوْلاَنَّ | تَغْزُوَانَّ |
| | | أَنْتُنَّ | تَفْعَلْنَانَّ | تَمْدُدْنَانِّ | تَقُلْنَانِّ | تَغْزُوْنَانِّ |

Jadual 5.34 : Rumusan pola kata kerja perintah ketika bersambungan dengan Partikel *Nūn Tawkīd Thaqīlah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الثَّقِيْلَةِ )

| Diri | | GN | JK 1,JK 2 , JK 4 | JK 3 | JK 5 | JK 6 , JK 7 , JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | *Muzakkar* | أَنْتَ<br>أَنْتُمَا<br>أَنْتُمْ | اِفْعَلُنَّ<br>اِفْعَلاَنِّ<br>اِفْعَلُنَّ | مُدَّنَّ<br>مُدَّانَّ<br>مُدُّنَّ | قُوْلَنَّ<br>قُوْلاَنَّ<br>قُوْلُنَّ | اُغْزُوَنَّ<br>اُغْزُوَانَّ<br>اُغْزُ نَّ |
| | *Muannath* | أَنْتِ<br>أَنْتُمَا<br>أَنْتُنَّ | اِفْعَلِنَّ<br>اِفْعَلاَنِّ<br>اِفْعَلْنَانّ | مُدِّنَّ<br>مُدَّانَّ<br>اُمْدُدْنَانِّ | قُوْلِنَّ<br>قُوْلاَنَّ<br>قُلْنَانِّ | اُغْزِ نَّ<br>اُغْزُوَانَّ<br>اُغْزُوْنَانَّ |

## 5.4.2 Analisis Pembentukan Pola Kata kerja Kala Kini Dan kata kerja Perintah Ketika Bersambungan Dengan Partikel *Nūn Tawkīd Khafīfah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الخَفِيْفَةِ )

*Nūn tawkīd khafīfah* adalah *nūn* penegasan berharakah *sukūn* yang disambungkan di akhiran kata kerja kala kini dan kata kerja perintah. Tahap penegasan yang dibawanya agak rendah berbanding dengan *nūn tawkīd thaqīlah* ( Mahdiy al-Makhzūmiy , 1986 : 238 ). Pembentukannya adalah sedikit berbeza dengan *nūn tawkīd thaqīlah* , di mana ia disambungkan di akhiran kata kerja kala kini dan kata kerja perintah yang tidak diakhiri dengan huruf *alīf* samada *alīf* pemisah antara partikel *nūn tawkīd thaqīlah* dengan *nūn niswah* atau *alīf muthanna* ( al-Sakākiy , t.t : 80 ).

Selain dari itu, ia digugurkan apabila berada selepas harakah *sukūn*. Demikian juga ia disamakan dengan hukum *tanwīn* apabila *diwakafkan* iaitu ditukar kepada huruf *alīf* apabila harakah sebelumnya *fatḥah* seperti firman Allah Taala : لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ ( Fakhruddin Qabāwat , 1988 : 264 ) dan digugurkan apabila harakah sebelumnya *ḍammah* atau *kasrah* serta dikembalikan *ḍamīr* yang digugurkan oleh *nūn tawkīd* tersebut seperti لاَ تَضْرِبُوْا dan اِضْرِبِيْ ( pola asalnya ialah لاَتَضْرِبُنْ , اِضْرِبِنْ ). Ketika dalam keadaan *wakaf* , *wāw ḍamīr* jamak dan *ya' mukhatabah* dikembalikan dan *nūn tawkīd khafīfah* digugurkan seperti لاَ تَضْرِبُوْا , اِضْرِبِيْ ( Sharifuddin 'Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 53 , Muḥammad Abdul Khalid 'Uḍaimat 1962 : 72 )

Jadual 5.35 dan 5.36 berikut adalah rumusan pembentukan pola kata kerja kala kini ketika bersambungan dengan partikel *nūn tawkīd khafīfah :*

Jadual 5.35 : Rumusan pola Kata kerja Kala kini ketika bersambungan dengan Partikel Partikel *Nūn Taukīd Khafīfah* ( نُوْنُ التَّوْكِيْدِ الخَفِيْفَةِ )

| Diri | | GN | JK 1,JK 2 , JK 4 | JK 3 | JK 5 | JK 6 , JK 7 , JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pertama | *Mutakallim* | أَنَا<br>نَحْنُ | أَفْعَلَنْ<br>نَفْعَلَنْ | أَمُدَّنْ<br>نَمُدَّنْ | أَقُوْلَنْ<br>نَقُوْلَنْ | أَغْزُوَنْ<br>نَغْزُوَنْ |
| Kedua | *Muzakkar* | هُوَ<br>هُمَا<br>هُمْ | يَفْعَلَنْ<br>-<br>يَفْعَلُنْ | يَمُدَّنْ<br>-<br>يَمُدُّنْ | يَقُوْلَنْ<br>-<br>يَقُوْلُنْ | يَغْزُوَنْ<br>-<br>يَغْزُ نْ |

| Diri | | GN | JK 1,JK 2 , JK 4 | JK 3 | JK 5 | JK 6 , JK 7 , JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Muannath* | هِيَ | تَفْعَلَنْ | تَمُدَّنْ | تَقُوْلَنْ | تَغْزُوَنْ |
| | | هُمَا | - | - | - | - |
| | | هُنَّ | - | - | - | - |
| Ketiga | Muzakkar | أَنْتَ | تَفْعَلَنْ | تَمُدَّنْ | تَقُوْلَنْ | تَغْزُوَنْ |
| | | أَنْتُمَا | - | - | - | - |
| | | أَنْتُمْ | تَفْعَلُنْ | تَمُدُّنْ | تَقُوْلُنْ | تَغْزُ نْ |
| | Muannath | أَنْتِ | تَفْعَلِنْ | تَمُدِّنْ | تَقُوْلِنْ | تَغْزِ نْ |
| | | أَنْتُمَا | - | - | - | - |
| | | أَنْتُنَّ | - | - | - | - |

Jadual 5.36: Rumusan pola kata kerja perintah ketika bersambungan dengan partikel *Nūn Taukīd Khafīfah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الخَفِيْفَةِ )

| Diri | | GN | JK 1,JK 2, JK 4 | JK 3 | JK 5 | JK 6 , JK 7 , JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Ketiga | *Muzakkar* | أَنْتَ | اِفْعَلَنْ | مُدَّنْ | قُوْلَنْ | اُغْزُوَنْ |
| | | أَنْتُمَا | - | - | - | - |
| | | أَنْتُمْ | اِفْعَلُنْ | مُدُّنْ | قُوْلُنْ | اُغْزُ نْ |
| | *Mu'annath* | أَنْتِ | اِفْعَلِنْ | مُدِّنْ | قُوْلِنْ | اُغْزِ نْ |
| | | أَنْتُمَا | - | - | - | - |
| | | أَنْتُنَّ | - | - | - | - |

## 5.5 PENUTUP

Bab ini merupakan kesinambungan daripada bab keempat dan menganalisis dengan terperinci proses pembentukan kata kerja ketika bersambungan dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd*. Kedua-dua elemen tersebut sebahagian daripada subsistem kata kerja dan wajar dibuat analisis bersama dengan kata kerja. Kewujudan kedua-duanya akan turut melibatkan pelbagai perubahan morfologi dan fonologi pada struktur kata kerja.

Hasil kajian mendapati kehadiran *ḍamīr marfu'* ( مَرْفُوْع ) dan *nūn tawkīd thaqīlah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الثَقِيْلَةِ ) dan partikel *nūn tawkīd khafīfah* ( نُوْنُ التَوْكِيْدِ الخَفِيْفَةِ ) di akhiran kata kerja turut melibatkan perubahan kecil berlaku pada huruf *ṣaḥīḥ* dan huruf '*illah* yang berada di persekitarannya. Perubahan –perubahan yang dikenal pasti dan memberi kesan kepada persamaan dan perbezaan antara wazan dan kata *al-mawzūn* ialah pengguguran, penambahan, pengalihan penyerapan dan penyuraian dan penukaran .

Kebolehan mengenalpasti subsistem-subsistem *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* ketika bersambungan dengan kata kerja seperti yang dibincangkan dalam bab ini adalah sangat penting terutama sekali bagi mereka yang baru menceburi bidang bahasa Arab . Memang seseorang penutur bahasa Arab itu biasa menggunakan suatu *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* tetapi berasa sukar untuk menggandingkan kedua-duanya dengan kata kerja .